


Ke
B



LAPORAN MITI

2016



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA**

RASIONAL KULIT

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dilambangkan melalui pembinaan bangunan ibu pejabatnya yang baharu di Kuala Lumpur. Warna perak yang digunakan untuk visual ibu pejabat MITI menandakan ulangtahun penerbitan Laporan Tahunan MITI yang ke-25.

ISSN 0128-7524

Jun 2017

© Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2016

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada sebarang bentuk dan cara tanpa izin bertulis daripada penerbit. Semua fakta dan maklumat adalah benar pada saat percetakan.

Untuk membeli naskah ini atau untuk maklumat lain, sila hubungi:

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia
Tingkat 22, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-6200 0252 Faks: +603-6206 4059
Laman web MITI: www.miti.gov.my
E-mel: mitiweb@miti.gov.my

Reka bentuk dan percetakan:

Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)
29, Jalan PJU 3/48
Sunway Damansara Technology Park
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +603 7803 3754
Faks: +603 7804 8245
E-mel: salina@sasyaz.com.my

Harga: RM60.00



PERAKATA



Prestasi perdagangan Malaysia terus bertambah baik pada tahun 2016 meskipun dengan ketidakpastian pasaran global, permintaan agregat yang lemah, harga komoditi yang rendah dan pasaran kewangan yang tidak menentu dalam ekonomi utama.

Jumlah dagangan Malaysia pada tahun 2016 meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada RM1.48trilion daripada RM1.46trilion pada tahun sebelumnya. Eksport meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM785.93bilion dan import meningkat sebanyak 1.9 peratus kepada RM698.66bilion, menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM87.27bilion, yang mewakili pencapaian sembilan belas tahun berturut-turut sejak tahun 1998. Peningkatan yang nyata dalam jumlah dagangan disumbangkan melalui permintaan kukuh terhadap barang pembuatan dan produk pertanian daripada rakan dagangan utama Malaysia termasuklah Republik Rakyat China (RRC) dan Amerika Syarikat (AS).

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), MITI mengambil beberapa inisiatif besar pada tahun 2016 untuk merangsang ekonomi Malaysia agar industri dapat mara menelusur rantai nilai global. Inisiatif ini termasuklah melancarkan beberapa hala tuju dan pelan tindakan:



- Pelan Tindakan Strategik eDagang Nasional (NeSR) dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia pada bulan Oktober 2016. NeSR bertujuan menggandakan kadar pertumbuhan tahunan eDagang daripada 10.8 peratus pada tahun 2016 kepada 20.8 peratus pada tahun 2020, dengan sumbangan sebanyak RM211 bilion kepada KDNK menjelang 2020. Selain itu, Kerajaan menubuhkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pertama di dunia di luar RRC, yang akan menyediakan ekosistem digital untuk syarikat menjalankan operasi eDagang mereka di samping merangsang pertumbuhan dan penggunaan eDagang di negara ini.
- Terdapat keperluan mendesak bagi Malaysia untuk melaksanakan Industri 4.0, terutamanya di peringkat organisasi untuk meningkatkan daya saing Malaysia dalam industri pembuatan negara. MITI telah mula bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi yang relevan serta peneraju industri bagi menggubal dasar dan pelan tindakan Industri 4.0. Beberapa cabaran utama yang perlu ditangani dalam pelaksanaan Industri 4.0 termasuklah keperluan pembangunan prasarana IT, bakat dan modal insan, sasaran insentif serta tahap piawaian dan teknologi.
- Pelan Tindakan Aeroangkasa Negara masih terus melakarkan transformasi industri aeroangkasa Malaysia. Kerajaan mengunjurkan bahawa industri ini akan menjanakan jumlah pendapatan sebanyak RM55.2 bilion dan menghasilkan sebanyak 32,000 pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030 dalam aktiviti aeroangkasa seperti penyelenggaraan, pembaikan dan operasi (MRO) serta pembuatan komponen teknologi tinggi.
- Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan, yang dilancarkan pada tahun 2015, bertujuan mengetengahkan potensi sektor ini dan mengubahnya menjadi intensif pengetahuan dan dipacu inovasi. Sektor perkhidmatan dijangkakan berkembang pada kadar 6.8 peratus setahun dan menyumbangkan 56.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2020, seterusnya menyediakan sebanyak 9.3 juta pekerjaan di dalam negara.

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memainkan peranan yang penting di Malaysia dan merupakan penjana penting pekerjaan dan pendapatan serta pemacu inovasi dan pertumbuhan. PKS merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia yang menyumbangkan sebanyak 9.3 peratus daripada sejumlah 662,939 entiti perniagaan. Produktiviti dan inovasi adalah penting bagi penakatan dan keuntungan PKS dengan meningkatkan daya saing PKS. Pertumbuhan KDNK bagi PKS dianggarkan berkembang antara 5.0 ke 5.5 peratus pada tahun 2016 dan antara 5.0 ke 6.0 peratus pada tahun 2017. Pada tahun 2015, sumbangan PKS kepada KDNK adalah sebanyak 36.3 peratus dan kepada eksport adalah sebanyak 17.6 peratus, manakala bidang pekerjaan meningkat sebanyak 5.6 peratus kepada 65.5 peratus, menunjukkan keupayaan PKS untuk mengembangkan perniagaan, memberikan nilai tambah yang lebih besar kepada pasaran global serta menjanakan pertumbuhan pekerjaan yang lebih tinggi.

Eksport barangan pembuatan bertambah sebanyak 3.2 peratus atau RM20.24 bilion, yang merupakan 82.2 peratus daripada jumlah eksport. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya melalui produk E&E sebanyak RM9.8bilion, sementara produk lain termasuklah bahan kimia dan produk kimia, peralatan optik dan saintifik, makanan proses, jentera, peralatan dan alat ganti, peralatan pengangkutan dan juga tekstil, pakaian dan kasut, terus mencatatkan pertumbuhan positif. Eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan sawit terus menjadi penyumbang utama bagi eksport yang lebih tinggi untuk barangan pertanian, yakni pertambahan sebanyak 4.7 peratus kepada RM70.43 bilion, menyumbang sebanyak 9 peratus bahagian jumlah eksport pada tahun 2016.



Bagi dagangan utama di pentas global, Kerajaan terus mengambil langkah holistik dan pragmatik dalam rundingan baharu perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau, di samping mengkaji semula perjanjian sedia ada. Pada tahun 2016, negara rakan kongsi FTA menikmati 62.4 peratus jumlah eksport Malaysia, dengan ASEAN terus menjadi rakan dagangan strategik Malaysia.

Terdapat kegusaran bahawa pertumbuhan ekonomi dunia akan terjejas dengan perkembangan seperti Brexit, dasar dagangan baharu AS, ketidakpastian berkaitan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), perubahan struktur RRC dan turun naik harga minyak. Sebagai negara yang mengamalkan dagangan ekonomi terbuka, Malaysia perlu segera bertindak balas terhadap keadaan global yang sentiasa dinamik. Kerajaan akan terus bertindak balas mengikut dasar yang diperlukan bagi mengurangkan sebarang kesan negatif dan mengukuhkan asas ekonomi, ke arah mengekalkan persekitaran yang kondusif bagi aliran perdagangan dan pelaburan.

Sektor swasta hendaklah berupaya menyahut cabaran dan menjadi lebih berdaya tahan dalam menghadapi persekitaran global yang sentiasa berubah dengan melaksanakan pelbagai strategi seperti meningkatkan kemahiran menaik taraf, menghargai keperluan penggunaan inovasi, teknologi dan kreativiti, serta mengubah set minda ke arah produktiviti yang lebih besar. Ke arah produktiviti yang lebih tinggi, industri bukan hanya perlu memberikan tumpuan kepada rantaian bekalan tetapi juga terlibat secara aktif dalam aktiviti pengeluaran bernilai tambah lebih tinggi menerusi pembentukan kerjasama strategik atau perkongsian teknologi. Aktiviti ini akan menyediakan asas bagi pertumbuhan masa depan dalam menghasilkan produk yang lebih kompleks dan bernilai tinggi.

Kita mesti sedar bahawa senario ekonomi dunia telah berubah secara mendadak dengan perkembangan baharu yang berlaku dengan pantas. Rangkaian sosial, teknologi *disruptive*, platform dan aplikasi mudah alih, *Analytics and Big Data* yang maju, *Cloud* dan *Artificial Intelligence* (AI) kini menggantikan cara tradisional perniagaan dilaksanakan. MITI akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan dan pelanggan bagi mengenal pasti jurang dan cabaran masa hadapan dalam merealisasikan agenda transformasi ekonomi negara.

Dato' Sri Mustapa Mohamed

Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia





*K*ANDUNGAN

- 7 PENCAPAIAN MITI 1992–2015
- 15 PERDAGANGAN ANTARABANGSA
- 33 PELABURAN
- 41 PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN
DAN DAYA SAING
- 53 PEMBANGUNAN PKS DAN
KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA
- 73 SERANTA 2016
- 81 PROSPEK EKONOMI 2017
- 87 PENGURUSAN TERTINGGI





PENCAPAIAN MITI

1992-2015

Penerbitan pertama Laporan Perdagangan dan Industri 1993 merupakan suatu tindakbalas terhadap keperluan yang selama ini dirasai oleh sektor awam dan swasta untuk memperolehi sebuah laporan menyeluruh mengenai pencapaian perdagangan dan dasar industri negara yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam membuat perancangan dan pelaksanaan.

*Dato' Seri Rafidah Aziz
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
(16 Julai 1993)*

Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri 1993 (Laporan MITI 1993) yang diterima pakai sehingga kini merupakan laporan lengkap dan berwibawa yang menjadi rujukan umum. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan sentiasa meneruskan misi mengumpul data bagi aktiviti-aktiviti ekonomi.

Sebagai bukti kepada kemajuan negara yang membanggakan dalam tempoh 25 tahun, Laporan MITI 2016 menceritakan Pencapaian MITI dalam tempoh masa tersebut, mengenai perkembangan-perkembangan penting perdagangan dan industri negara.





Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) merupakan kementerian utama yang menggalas tanggungjawab untuk menarik pelaburan dan menempatkan negara sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan asing.

Melalui dasar perindustrian yang digubal oleh mereka yang terbaik dalam negara ini, MITI, sejak 25 tahun yang lalu telah mengorak langkah bagi membolehkan negara 'muncul sebagai salah satu daripada ekonomi yang berkembang pesat di Asia Timur'. Dalam tempoh itu juga, negara telah bergelut dengan usaha-usaha mengurangkan jurang sosio-ekonomi, serta berusaha untuk mempelbagaikan dan beralih daripada ekonomi berasaskan sumber komoditi utama kepada ekonomi berasaskan industri berpendapatan sederhana atas.

Sesetengah berpendapat, pencapaian tersebut adalah hasil himpunan peristiwa dan kejadian semata mata. Tetapi mereka yang telah berkerja keras berpendapat, ia adalah satu bukti yang membanggakan di mana MITI telah berjaya sebagai instrumen negara dalam menentukan perjalanan kemakmuran ekonomi yang mencerminkan daya tahan rakyat Malaysia.

'Dasar perdagangan yang terbuka dan menarik kepada pelaburan asing langsung (FDI) telah menyebabkan peningkatan yang memberangsangkan dan transformasi ekonomi yang berterusan.'

Organisasi Perdagangan Dunia 1997

MITI berdiri megah dan bangga kerana mempunyai peranan penting dalam membina landskap ekonomi negara yang indah dan terbilang ini.

1992 - 2000: TAHUN-TAHUN AWAL

Dalam jangka masa ini, sektor pembuatan telah menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 1992, produk perkilangan telah menyumbang 69 peratus daripada jumlah eksport. Menjelang 1997, angka ini telah meningkat kepada 81 peratus, mencecah paras tertinggi sebanyak 85.6 peratus daripada jumlah eksport (RM319.46bilion) pada tahun 2000.

Pelan Induk Perindustrian 1 (1986 - 1995), adalah 'pelan tindakan' yang telah membentuk hala tuju negara dalam pembangunan industri. IMP1 menjadi asas kepada industri pembuatan dan mempromosikan pemprosesan sumber semula jadi, dan bukan mengeksporthnya secara mentah.

Sektor pembuatan telah disasarkan untuk menjadi sektor pertumbuhan utama ekonomi.

Dalam era globalisasi dan perindustrian yang pesat, eksport perkilangan negara juga turut berkembang. Dalam tempoh 1987-97, peningkatan ekonomi tahunan Malaysia adalah lebih daripada lapan peratus - satu era kegemilangan dan peningkatan ekonomi yang mantap untuk rakyat Malaysia.

Dengan penstrukturan semula Kementerian Perdagangan dan Industri pada tahun 1990, kepada dua Kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, adalah penting untuk MITI yang baharu terus bergerak ke hadapan dan beroleh momentum di peringkat serantau dan juga global.

MITI memulakan pendekatan berbilang serampang/ pelbagai cara untuk mengukuhkan lagi sektor pembuatan, yang kini sektor tersebut telah mengambil alih peranan sebagai enjin pertumbuhan, melalui strategi yang sedia ada yang bukan sahaja menarik pelaburan asing tetapi juga mewujudkan pasaran di rantau Asia Tenggara dan dalam masa yang sama mengunjurkan rantau ASEAN sebagai satu entiti.

Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang ditandatangani pada tahun 1992, adalah satu langkah yang bernas. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang ditubuhkan pada tahun 1967, sehingga kini masih mengekalkan kejayaan sebagai organisasi antara kerajaan yang paling berjaya di kalangan negara membangun. Dengan termeterainya AFTA, negara negara anggota komited untuk membuka pasaran mereka melalui liberalisasi tarif secara beransur-ansur, dengan matlamat utama iaitu mewujudkan pasaran tunggal.


'Kewujudan AFTA bakal menyediakan medan ujian yang baik bagi pengeksport Malaysia yang baru untuk mengukur kedudukan daya saing mereka di peringkat ASEAN sebelum memasuki pasaran global.'

Dato' Seri Rafidah Aziz: 1993

Satu lagi langkah yang diukur ialah penubuhan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) pada tahun 1993 dengan misi untuk membangun dan menerajui eksport negara ke pasaran global.



1992 - 2000: TAHUN-TAHUN AWAL



permulaan inisiatif liberalisasi Malaysia yang dapat digambarkan melalui pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas.

Sektor perkhidmatan, yang selama ini kurang memainkan peranan dalam aspek perkhidmatan pengantara yang menyokong sektor perkilangan, kini dilihat sebagai sebuah sektor yang perlu dibangunkan seiring dengan sektor pembuatan.


Pada tahun 1995, bagi melengkapkan objektif AFTA, iaitu aliran bebas barangan, Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS) telah ditandatangani untuk aliran bebas perkhidmatan. Integrasi pasaran perkhidmatan di peringkat serantau ini telah merealisasikan ASEAN sebagai satu entiti bersepadu.

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) telah ditubuhkan pada tahun 1996 di bawah MITI dengan matlamat utama untuk menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menyediakan kemudahan infrastruktur, bantuan kewangan, khidmat nasihat dan akses kepada pasaran. Semua ini bertujuan untuk membina daya tahan PKS Malaysia untuk bersaing dalam pasaran global.

Pada akhir tahun 1997, krisis kewangan yang telah melanda Asia telah menyaksikan Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesannya. Namun demikian, Malaysia segera pulih dari kalangan negara-negara ASEAN, terutamanya disebabkan oleh langkah-langkah ekonomi makro yang digunakan, seperti penetapan nilai ringgit kepada Dolar Amerika Syarikat (USD) dan pelonggaran dasar monetari. MITI mengambil bahagian dalam merangka beberapa langkah pemulihan, misalnya dalam meliberalisasi peraturan ekuiti bagi sektor pembuatan.

Pada tahun 1995, Malaysia telah menjadi salah sebuah negara anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Ini telah membuktikan keyakinan negara untuk berada di peringkat antarabangsa bersama negara-negara yang terlebih dahulu menjadi ahli WTO dengan berbekalkan ramalan bahawa untuk maju ke hadapan adalah dengan bersaing di peringkat global.

Peranan MITI diperluaskan lagi dengan penggabungan dan penyelarasan peranan aktif Malaysia dalam peraturan perdagangan antara negara. Ianya telah menjadi



Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1998 sebagai respon kepada krisis kewangan Asia. Peranan utamanya adalah untuk melindungi daya saing global ekonomi negara dan pada masa yang sama mengukuhkan lagi asas ekonominya. Ahli-ahli Majlis adalah terdiri daripada kedua-dua sektor iaitu awam dan swasta. Persekutuan yang dinamik ini telah menyediakan platform bagi kerjasama pihak kerajaan dan swasta yang pada masa hadapan.

Apabila Malaysia telah kembali pulih kepada keadaan sedia kala seperti dahulu dengan pengurusan krisis kewangan yang berkesan, apa yang dapat diperhatikan adalah hakikat bahawa terdapat kebergantungan yang tinggi terhadap sektor pembuatan dan pelaburan langsung asing yang menjadikan negara agak terdedah kepada ragam persekitaran global yang berdaya saing.

Salah satu lagi faktor yang tidak kurang pentingnya adalah kemunculan Republik Rakyat China (RRC) sebagai kuasa ekonomi serantau dan sebagai pelabur asing ketujuh terbesar Malaysia pada tahun 1998. Negara terpaksa mengkaji semula kebergantungan terhadap sektor pembuatan dan menyemak semula sumbangan oleh sektor perkhidmatan. Kesempatan ini juga telah mendorong Kerajaan untuk mengkaji secara dalaman industri tempatan dan memupuknya.

Pelan Pembangunan IKS telah diperkenalkan untuk terus memahami cabaran yang dihadapi oleh PKS (sebelum ini dikenali sebagai IKS) dengan menggubal siri tindakan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka.

2001 – 2008: EVOLUSI MITI

Tempoh masa IMP2 adalah dari tahun 1996 - 2005. Teras utama adalah untuk memperluaskan keupayaan sektor pembuatan melalui strategi pembangunan perindustrian berasaskan kluster dan pembuatan++. Malaysia perlu mengukuhkan daya saing, meningkatkan produktiviti, dan mempromosikan industri sokongan serta perkhidmatan yang berkaitan.

Dibawah IMP2, adalah jelas bahawa pembangunan perkhidmatan perlu diberi perhatian dan dinilai semula peranannya supaya menjadi sebahagian penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2001, pengeluaran sektor pembuatan menurun dan industri berorientasikan eksport menguncup serta tidak mencapai nilai sebelum krisis kewangan 1997. Industri domestik mempunyai daya tahan yang tinggi dan telah meningkat sebanyak 7.4 peratus. Tidak dapat dinafikan lagi, sudah tiba masanya untuk gelombang baru, di mana permintaan dan pelaburan domestik telah memberi sokongan yang amat diperlukan ekonomi negara.

Perjanjian Am bagi Perdagangan dan Perkhidmatan (GATS) yang bermula pada tahun 2000, telah diterima dan boleh dilihat bermulanya peralihan daripada perdagangan barangan/ produk kepada perdagangan perkhidmatan.

Pada tahun 2002, sektor perkhidmatan telah melepasi sektor pembuatan dari segi peluang-peluang pekerjaan yang baru. SARS merupakan kejadian yang tidak dijangka pada tahun 2003, yang telah menutup peluang

sektor pelancongan berorientasikan perkhidmatan dan perkhidmatan yang berkaitan bagi sektor serantau.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyelaraskan usaha antara Kementerian dan Agensi berkaitan pembangunan PKS, serta menyediakan dasar rangka kerja strategik bagi industri melangkah ke hadapan.

Skop MITI telah diperluaskan secara rasmi pada tahun 2006 yang merangkumi tanggungjawab dalam menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan oleh semua kementerian, agensi dan pihak berkuasa bagi menjana pertumbuhan sektor perkhidmatan.

RRC telah menjadi rakan dagang keempat terbesar Malaysia, di mana berkemungkinan besar akan menggantikan Amerika Syarikat (AS) sebagai rakan dagang terbesar Malaysia. RRC, pada tahun yang sama, telah mendapat akses kepada WTO dengan menjadi ahli yang ke-143. Ini menggambarkan kesediaan RRC untuk menjadi sebahagian daripada sistem perdagangan global berserta syarat syaratnya.

Pelan Induk Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pertama yang telah ditandatangani pada November 2007 merupakan satu pelan induk bagi mencarta usaha-usaha ke arah penubuhan rasmi AEC pada 31 Disember 2015.

Sudah tiba masanya bagi kerjasama antara awam dan swasta diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Seawal tahun 1992 lagi, MITI mempunyai wawasan terhadap peranan sektor swasta dan sektor awam dalam membangunkan negara ini.




Pada tahun 2007, inisiatif merentasi kementerian diperlukan untuk melaksanakan penambahbaikan yang lebih besar kepada perniagaan yang dikawal selia oleh Kerajaan melalui penyertaan aktif sektor swasta. Ini membawa kepada penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan, PEMUDAH. MITI merupakan Sekretariat bagi Pasukan Petugas ini.

Pada tahun 2008 Malaysia telah melonjak ke hadapan dengan mencapai jumlah dagangan yang diluar jangkaan iaitu sebanyak RM1.2trilion dengan eksport Malaysia melepasi USD100bilion buat kali pertamanya.

'Sektor swasta mempunyai peranan sebagai pemangkin dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan manakala Kerajaan pula akan mewujudkan persekitaran dan infrastruktur yang kondusif bagi membolehkan aktiviti perdagangan dan industri berlaku.'

LAPORAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI MALAYSIA 1992

2001 – 2008: EVOLUSI MITI



MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH HUB HALAL GLOBAL

Malaysia telah di anggap sebagai perintis dalam industri halal seawal tahun 1974 di mana Pusat Penyelidikan Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri telah mula mengeluarkan surat pensijilan halal bagi produk yang memenuhi kriteria halal pada masa itu. Tahun 2000 merupakan tahun yang penting bagi Malaysia kerana telah menjadi negara pertama yang mempunyai sistem jaminan halal yang sistematik serta didokumenkan.

Dengan menerajui dan beroleh kedudukan yang baik dalam evolusi halal, kejayaan Malaysia terus diperkukuh sehingga menjadi penanda aras/ccontoh bagi piawaian halal dan akses kepada nilai pasaran global sebanyak USD2.30trilion.

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah ditubuhkan sebagai sebuah agensi sehenti dalam pembangunan industri halal. Dengan memanfaatkan perkongsian rapat dengan badan kerajaan utama seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), HDC bekerja rapat dengan bakal pelabur untuk meletakkan Malaysia sebagai tempat yang paling menarik di rantau ini untuk melabur di dalam pembuatan yang membabitkan halal.

2009 - 2015: PENGUKUHAN MITI

IMP3 bermula pada tahun 2006 dan akan berterusan sehingga tahun 2020 iaitu tahun di mana Malaysia dijangka mencapai status negara maju. Daya saing global merupakan fokus yang dapat dicapai melalui inovasi dan transformasi sektor perkilangan dan perkhidmatan.

KRISIS KEWANGAN GLOBAL - 2008/9

Krisis kewangan global yang bermula pada tahun 2008 dan berterusan hingga ke tahun 2009, menjadikannya 'tahun yang paling sukar pada dekad yang lalu' untuk Malaysia. Permintaan eksport jatuh menjunam dan pelaburan langsung asing berkurangan dengan ketara. Jumlah perdagangan menerima kejutan iaitu pada RM988bilion dengan eksport menyusut sebanyak 16 peratus. Sektor pembuatan menerima tamparan paling kuat dengan penguncupan sebanyak 9.4 peratus pada tahun 2009 dan penurunan eksport sebanyak 21.1 peratus.

Lebih dagang yang sihat daripada tahun-tahun sebelumnya dan langkah langkah-langkah berhemat sebelumnya telah membawa kepada keseimbangan dalam perdagangan, memberi sokongan dan melihatkan negara melalui masa-masa yang sukar. Daya tahan Malaysia dalam menghadapi masa yang sangat penting ini dan pemulihan yang tercetus, hanya dapat dikaitkan dengan kerjasama semua Kementerian yang berkaitan bagi melaksanakan langkah-langkah yang memberi kesan mendalam seperti Pakej Rangsangan Ekonomi (ESP) bagi mengurangkan impak kepada industri tempatan dan untuk meningkatkan permintaan agregat domestik.

MITI telah diamanahkan dengan tanggungjawab yang amat besar untuk membuat pembayaran sebahagian daripada ESP, yang berjumlah hampir kepada RM 792.4million. Dibahagikan kepada dua bahagian, pertamanya kepada Tabung Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan dan Latihan Kemahiran Sumber Manusia berasaskan Kluster bagi Institut Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera. Bahagian kedua pula disalurkan kepada Dana Pembangunan Automotif (ADF) dan Dana Projek Berimpak Tinggi.

Model Ekonomi Baru (MEB) telah dilancarkan pada tahun 2010. Bagi mengubah ekonomi Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi dan pertumbuhan berkualiti pada tahun 2020, model ini disasar bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pertumbuhan ini bersifat inklusif dan mapan di mana faedahnya dikongsi bersama oleh semua masyarakat.

MEMUDAHCARA URUSAN PERNIAGAAN

Pelbagai peraturan yang menyusahkan perniagaan telah dihapuskan dengan kewujudan PEMUDAH.

Hasilnya: *IMD World Competitiveness Yearbook 2010:*

Buat pertama kalinya Malaysia berada di kedudukan antara sepuluh teratas.

'MITI akan terus mengemudi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi iaitu industri berpandukan pengetahuan dan industry berasaskan teknologi tinggi. Tumpuan diberikan kepada usaha menarik pelaburan berkualiti dan menggalakkan industri yang sedia ada untuk beralih daripada produk dan perkhidmatan bernilai rendah kepada pelaburan semula di dalam produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan.'


Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
09.04.2009 - Sekarang

ENTERPRIS KECIL & SEDERHANA: ‘KECIL ADALAH BESAR YANG BARU’

Penjenamaan semula SMIDEC sebagai Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) pada tahun 2009, telah memberikan PKS semangat dan permulaan yang baru.

SME Corp Malaysia, sebagai Agensi Penyelaras Pusat di bawah MITI, menyelaras, memperkemas, memantau dan menilai kemajuan dan keberkesanan program pembangunan PKS yang telah dilaksanakan di seluruh 15 Kementerian dan 65 Agensi.

2009 – 2015: PENGUKUHAN MITI



SME Corp telah menjalankan pelbagai program pembangunan dan pembinaan keupayaan. Pada tahun 2011 sahaja, 30,000 PKS telah dilatih di bawah skim Usahawan Development & Bumiputera PKS. Pelan Induk PKS yang dilancarkan pada tahun 2012 bertujuan untuk meningkatkan sumbangan KDNK PKS Malaysia daripada 32.0 peratus kepada 41.0 peratus menjelang tahun 2020. Dengan 90 peratus daripada PKS adalah dalam sektor sektor perkhidmatan, maka semestinya peranan mereka lebih penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2011, HDC telah membangunkan 97 syarikat tempatan melalui Transformasi Perniagaan Halal dan melatih 12,000 pengguna dalam isu-isu halal, yang kemudiannya telah berjaya menghasilkan 245 Eksekutif Halal dan melatih 490 Juruaudit Halal.

Rancangan Malaysia yang Kesepuluh, (2011-2015) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada tahun 2012, menggariskan mandat kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menerajui kajian peraturan perniagaan secara menyeluruh. MPC bertanggungjawab untuk mewujudkan satu rangka kerja kawal selia yang akan memastikan kualiti yang lebih baik kepada peraturan-peraturan baru dan peraturan sedia ada secara berterusan, sama seperti sistem Amalan Baik Kawal Selia (GRP) di negara-negara lain.

Pembangunan sektor perkhidmatan akan berpandukan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan yang telah dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada sektor ini dan mengubahnya menjadi lebih berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 6.8 peratus setahun dan menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2020, serta menyediakan 9.3 juta peluang-peluang pekerjaan.

ASEAN

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 22 November 2015, para pemimpin ASEAN telah membuat suatu pengisytiharan mengenai penubuhan komuniti ASEAN. Ini dianggap menjadi kejayaan yang membanggakan dalam sejarah ASEAN sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1967.

Serentak dengan pelancaran Komuniti ASEAN, para pemimpin ASEAN juga telah mengumumkan Deklarasi Kuala Lumpur; ASEAN 2025: Maju ke Hadapan Bersama-sama. Visi ASEAN selepas 2015, akan dilakar dan bakal menjadi hala tuju bagi Komuniti ASEAN untuk tempoh sepuluh tahun akan datang di mana objektif dan aspirasi ASEAN sebagai satu kumpulan serantau telah memasuki fasa seterusnya berhubung pengukuhan, pengintegrasian dan penyatuan yang lebih mantap sebagai satu komuniti.

Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun 2015 merupakan satu mercu tanda utama dalam agenda integrasi ekonomi serantau ASEAN. AEC menawarkan peluang dalam bentuk pasaran yang besar bernilai US\$2.6trilion dengan populasi seramai 630 juta. Pada tahun 2014, AEC merupakan ekonomi ketiga terbesar di Asia dan yang ketujuh terbesar di dunia.

KEMAJUAN

Tahun-tahun mendatang akan memberikan cabaran yang lebih besar dalam usaha menghadapi persaingan global yang meningkat. MITI akan menerima serta menangani cabaran-cabaran tersebut berbekalkan ketabahan dan ketahanan dan akan meneruskan usaha membentuk landskap ekonomi negara. Memandangkan kemajuan teknologi yang pantas, MITI, bukan sahaja akan sentiasa berjaga-jaga bahkan akan menyesuaikan diri secara berterusan demi mencapai kemajuan dalam suasana baru bercirikan teknologi terkini yang luar biasa/*disruptive technology*.

Ramai yang pernah berkerja di MITI, berjaya menjadikan kehadiran mereka dirasai dan banyak lagi akan terus merasai/ melakukan perkara yang sama. Apa yang akan terus kekal adalah semangat waja keluarga MITI - komitmen individu untuk tujuan yang lebih besar; kesedaran faedah permuafakatan; misteri ikatan yang telah menyatukan warga MITI.

Di sinilah letaknya kekuatan dan semangat MITI.

Di sinilah terletak masa depan Malaysia.

'Kita semua rakyat Malaysia. Inilah ikatan yang menyatukan kita. Marilah kita sentiasa ingat bahawa perpaduan adalah asas kekuatan kita sebagai satu bangsa dan satu negara.'

Tunku Abdul Rahman
Perdana Menteri Malaya (1957 - 1963)
Perdana Menteri Malaysia (1963 - 1970)



Pada tahun 2016, perdagangan global Malaysia melebihi RM1 trilion. Setiap hari kontena yang dipenuhi dengan eksport Malaysia akan dihantar ke pelbagai destinasi di kedua-dua Hemisfera Utara dan Hemisfera Selatan.

PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Untuk sepuluh tahun berturut-turut, perdagangan global Malaysia melebihi RM1trilion disumbang oleh pertumbuhan tahunan sebanyak 1.5 peratus (2015: 1.0 peratus). Lebihan dagangan tercatat sebanyak RM87.27bilion (2015: RM91.58bilion). Eksport meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM785.93bilion (2015: 1.6 peratus, RM777.36bilion) manakala import berjumlah RM698.66bilion (2015: RM685.78 bilion).

Malaysia merupakan pengeksport ke-24 dan pengimport ke-26 terbesar dunia. *(Sumber: Pangkalan Data Dalam Talian WTO, Kemaskini April 2017)*

Sektor eksport menunjukkan kepelbagaian dengan barangan eksport utamanya seperti barangan elektrik dan elektronik (E & E), kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta jentera, kelengkapan dan peralatan.


Barangan pembuatan menguasai eksport dengan jumlah 82.2 peratus yang bernilai RM645.67bilion (2015: 80.5 peratus, RM625.43bilion). Produk-produk pertanian berjumlah sembilan peratus dengan nilai RM70.43 bilion (2015: lapan peratus, RM67.25bilion) manakala barangan perlombongan berjumlah RM64.32bilion (2015: RM80.19bilion) mewakili lapan peratus (2015: 10.3 peratus).

Prestasi yang mengagumkan oleh eksport barangan pembuatan menjadi petanda baik bagi Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (11MP) di mana sektor pembuatan terus menjadi sektor yang utama memacu pembangunan negara bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Import juga telah didahului oleh barangan pembuatan yang merekodkan 88.2 peratus dengan nilai RM616.18bilion (2015: 87.6 peratus, RM600.89bilion). Nilai import keluaran pertanian berjumlah RM39.82bilion atau 5.7 peratus (2015: RM40.69bilion, 5.9 peratus) manakala barangan perlombongan berjumlah RM29.41bilion mewakili 4.2 peratus (2015: RM29.21bilion, 4.3 peratus). Import utama terdiri daripada barangan E & E, kimia dan keluaran kimia, jentera, kelengkapan dan peralatan serta keluaran petroleum.



PERDAGANGAN 2016



ASEAN

Tahun 2016 merupakan permulaan bagi Komuniti ASEAN dan pelaksanaan Wawasan ASEAN Komuniti 2025. Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) juga telah dilancarkan pada tahun 2016. Selama ini, liberalisasi perdagangan serantau dan fasilitasi telah banyak menyumbang kepada aliran barangan tanpa sekatan di ASEAN. Dengan penghapusan tarif ke atas beberapa barisan tarif, negara-negara anggota ASEAN (AMS) telah mengesahkan komitmen mereka untuk menangani halangan bukan tarif terhadap perdagangan dan telah memberi keutamaan kepada usaha-usaha fasilitasi perdagangan bagi mencapai persekitaran perniagaan yang lebih telus, stabil dan berasaskan peraturan di ASEAN.

Pelaksanaan Penyelesaian ASEAN untuk Pelaburan, Perkhidmatan dan Perdagangan (ASSIST) telah terus membawa manfaat yang besar kepada sektor swasta. ASSIST bertujuan untuk memberikan penyelesaian yang praktikal bagi membantu para peniaga menangani kebimbangan dan kesukaran mereka semasa menjalankan perniagaan di rantau ini.


Cadangan daripada sektor swasta telah diserap ke dalam Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS 2016-2025 (SAPSMED 2025) yang diselia oleh Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME). Web Portal Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN (www.aseansme.org), iaitu sebuah hab maklumat untuk MSMEs yang beroperasi di rantau ini, telah dilancarkan bagi membantu pembangunan PKS. Akademi PKS ASEAN (www.asean-sme-academy.org) yang terdiri daripada amalan-amalan praktikal yang terbaik juga telah diaktifkan sebagai satu keadah/alat sendiri atas talian dan pembelajaran sendiri atas talian untuk PKS.

Pelaksanaan Pelan Strategik Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS) 2016-2025 untuk mengukuhkan lagi kerjasama serantau dalam statistik di kalangan AMS, akan membawa kemajuan dalam keseragaman perdagangan barangan antarabangsa, perdagangan antarabangsa perkhidmatan dan pelaburan langsung asing. Perkembangan ini adalah penting ke arah integrasi, pemantauan dan penyebaran maklumat statistik ASEAN di peringkat AEC.

KEBERHASILAN UTAMA AEC 2016



PENCAPAIAN ASEAN 2016



Usaha-usaha berterusan mengenai inisiatif kemudahan perdagangan:

- ASEAN Single Window (ASW), dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017
- Projek Perintis Sistem Transit Kastam ASEAN (ACTS)
- Perjanjian ASEAN mengenai Ubat Tradisional
- Perjanjian ASEAN mengenai Suplemen Kesihatan
- Arahan Alat Perubatan ASEAN (AMDD)
- ASEAN Harmonized EEE Rejim Kawal Selia (AHEEER)
- Standard General ASEAN bagi Pelabelan Makanan Pra-pakej

Sektor swasta terus memainkan peranan aktif dalam ASEAN pada 2016.

Kunci aktiviti sektor swasta:

- ASEAN - Forum Perniagaan Russia, Sochi (17 Mei)
- ASEAN ke-3 - Dialog Jepun Awam-Swasta di Industri Baru: produktiviti lanjut pertumbuhan industri perkhidmatan di Asia, Bangkok (22 Jun)
- Dialog ke-9 antara Ketua Setiausaha ASEAN dan Persekutuan Dewan Perniagaan Jepun dan Industri ASEAN (FJCCIA) (20 Jun)
- Perniagaan ASEAN dan Sidang Kemuncak Pelaburan 2016, Vientiane (5 - 7 September)
- Forum Perniagaan Canada-ASEAN, Jakarta (7-8 September)
- Expo ke-13 China-ASEAN (CAEXPO), Perniagaan ke-13 China-ASEAN dan Sidang Kemuncak Pelaburan (CABIS) (11 - 14 September)

5 DESTINASI UTAMA EKSPORT DI ASEAN 2016

Hasil penting daripada hubungan ekonomi luar termasuklah:

- Menambah baik *ASEAN Plus One Free Trade Agreements (FTAs)*, termasuklah tarikh kuatkuasa Protokol Ketiga untuk meminda *ASEAN-Korea Trade in Goods Agreement*.
- Protokol untuk meminda Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif dan *Certain Agreements Thereunder* di antara ASEAN dan China
- Pencapaian kepada perkhidmatan dan perundingan pelaburan di bawah Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun
- Kajian berkala Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-India
- Permulaan rundingan untuk liberalisasi seterusnya di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea
- Pengesahan terma-terma rujukan untuk Kajian Am ASEAN-Australia-New Zealand FTA
- Kemajuan dalam rundingan ASEAN-Hong Kong, China FTA
- Pengesahan kepada pembaharuan *ASEAN-Japan 10-Year Strategic Economic Partnership Roadmap*
- Pengesahan daripada *ASEANUS Cooperation in Fostering Transparency and Good Regulatory Practices, and the ASEANUS Cooperation in Fostering International Investment*
- ASEANUS memupuk ketelusan dan amalan kawal selia yang baik, dan kerjasama ASEANUS untuk memupuk pelaburan antarabangsa
- Pengukuhan rundingan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* dan komitmen berulang ke arah pencapaian perjanjian perkongsian ekonomi yang moden, komprehensif, berkualiti tinggi dan saling menguntungkan.

**SINGAPURA**

- **RM114.44billion** eksport, meningkat 5.6 peratus disebabkan oleh kenaikan eksport barangan E & E, barangan optik dan saintifik kelengkapan, jentera, peralatan dan alat ganti, peralatan pengangkutan dan produk petroleum. 49.6 saham peratus daripada jumlah eksport ke ASEAN.

THAILAND

- **RM44.1billion** eksport, turun 0.6 peratus disebabkan oleh pengurangan eksport petroleum mentah, barangan optik dan peralatan saintifik, dan barangan E & E. Eksport yang tinggi bagi produk petroleum, kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam, makanan diproses, dan bahan kimia dan bahan kimia.

INDONESIA

- **RM27.66billion** eksport, turun 5 peratus disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi keluaran petroleum.
- Eksport yang tinggi bagi makanan, besi dan keluli diproses, dan barangan perkilangan logam.

Negara CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam)

- **RM28.96billion** eksport, sehingga RM7.52billion atau 35.1 peratus
- 12.5 peratus daripada eksport Malaysia ke ASEAN
- RM23.78billion eksport ke Viet Nam, satu sen lonjakan 36.7 per disebabkan oleh kenaikan eksport produk petroleum, barangan perkilangan logam, barangan E & E, kimia dan bahan kimia.
- Viet Nam merupakan destinasi eksport ke-10 terbesar di Malaysia (2015: ke-14).

FILIPINA

- **RM13.64billion** eksport, sehingga RM469.2juta atau 3.6 peratus, disebabkan oleh kenaikan eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan sawit, peralatan makanan dan proses pengangkutan.

PERDAGANGAN DENGAN ASEAN

Sepanjang dekad yang lepas, ASEAN dengan jumlah penduduk seramai 630juta telah membangun menjadi pasaran yang penting bagi perniagaan, perdagangan dan pelaburan. Dengan keterbukaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), ianya bakal menjadi blok serantau yang dijangka akan membangun dengan lebih cepat lagi. Berbekalkan prospek perdagangan dan industri yang cemerlang di rantau ini, pengeksport Malaysia telah cepat untuk menjadikan kehadiran mereka dirasai dengan mengembangkan perniagaan mereka di negara-negara jiran dalam ASEAN.

Lebih daripada 27.1 peratus perdagangan global Malaysia adalah dengan ASEAN di mana ianya didorong oleh aktiviti perdagangan, peningkatan hubungan antara syarikat, pelaburan merentasi sempadan dan aktiviti penyumberluaran serantau yang semakin meningkat.

SYARIKAT YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MyAPEC YouthConnect



Pertumbuhan eksport Malaysia disumbang oleh usaha bersepadu dalam meningkatkan eksport ke ASEAN sebanyak 5.4 peratus tahun demi tahun dengan peningkatan ketara ke Singapura, negara-negara CLMV (Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam) dan Filipina. Aktiviti pembuatan yang bertambah di ASEAN juga telah menggalakkan pertumbuhan eksport E & E sebanyak 6.9 peratus ke pasaran ini.

Peratusan jumlah eksport Malaysia ke ASEAN bertambah kepada 29.4 peratus, peratusan tertinggi sejak 1993, bernilai RM230.93bilion (2015: 28.2 peratus, RM219.29bilion).

Barangan pembuatan menyumbang sebanyak 89.1 peratus (2015: 86.0 peratus) daripada jumlah eksport ke ASEAN. Peningkatan dalam sektor ini disumbang oleh peningkatan eksport barangan E & E, keluaran petroleum, barangan perkilangan logam, barangan makanan diproses, kelengkapan pengangkutan, bahan kimia dan lain-lain.

Import daripada ASEAN pula berjumlah RM171.73bilion atau 24.6 peratus (2015: RM182.08bilion, 26.6 peratus) daripada jumlah import Malaysia. Import utama adalah terdiri daripada barangan E & E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Republik Rakyat China (RRC) merupakan pengimport terbesar sejak 2011, diikuti oleh Singapura, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan Thailand. Kelima-lima negara tersebut telah menyumbang sebanyak 53.1 peratus (2015: 52.9 peratus) daripada jumlah import pada tahun 2016.

APEC

APEC telah membangun menjadi sebuah enjin yang dinamik bagi pembangunan ekonomi dengan 21 keahlian dan jumlah penduduk sebanyak 2.8bilion. Kira-kira dua pertiga daripada semua aktiviti perdagangan datangnya daripada lima pengeksport dan pengimport terbesar APEC, iaitu RRC, AS, Jepun, Republik Korea dan Hong Kong. Pengeksport barangan terbesar adalah RRC manakala pengimport barangan terbesar pula adalah AS.

Perdagangan dengan para ekonomi negara di dalam APEC adalah sebanyak 76.8 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia (2015: 76.6 peratus). Peratusan ketara ini adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti promosi pelaburan yang dinamik oleh Malaysia dan penyertaan yang aktif dalam program APEC serta inisiatif-inisiatif yang memudahkan perniagaan dan pelaburan.

Pada tahun 2016, para pemimpin APEC telah memberi mandat kepada Pelan Pembangunan Daya Saing Perkhidmatan APEC, yang menyediakan hala tuju strategik untuk para ekonomi/negara dalam membangunkan tindakan-tindakan individu dan kolektif. Penekanan telah diberikan kepada sektor perkhidmatan sebagai penyumbang utama kepada produktiviti dan pembangunan dalam APEC.

Pemodenan PKS dan pengantarabangsaan telah jelas diketengahkan dalam agenda APEC 2016. Tumpuan adalah bagi mewujudkan persekitaran dan dasar-dasar yang membolehkan PKS maju dan meningkatkan penyertaan mereka dalam eDagang. Malaysia mengetuai projek *GVC-SMEs Automotive Sector (GSAS)* di bawah *APEC GVC Blueprint 2014* bagi menggalakkan penyertaan yang aktif dalam rantai nilai global (GVCs) oleh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs). GSAS merupakan satu inisiatif bersama di antara MITI dan Institut Automotif Malaysia (MAI). Ia dimulakan dengan kaji selidik mengenai automotif untuk mengenal pasti lebih analisa sasaran

dan praktikal di peringkat sektor di dalam industri automotif termasuklah amalan terbaik serta halangan-halangan yang berkemungkinan dihadapi oleh PKS di dalam GVC.

GSAS akan diteruskan pada tahun 2017 melalui Bengkel bagi Membincangkan Amalan-Amalan Penyelesaian Praktikal/ Program Terbaik untuk mengintegrasikan pembekal-pembekal PKS dalam Rantaian Nilai Global Automotif. Bengkel ini juga akan mewujudkan Program Kecemerlangan Pembekal Automotif Serantau (RASEP) iaitu satu program teknikal khusus untuk membantu pembekal automotif PKS meningkatkan rantaian nilai OEM.

Agenda Pembaharuan Struktur diteruskan dengan *Renewed APEC Agenda for Structural Reform Individual Action Plans* (RAASR IAP) yang telah diperbaharui untuk tahun 2016-2020, menggariskan keutamaan setiap ekonomi/negara di dalam APEC berhubung pembaharuan struktur domestik menjelang tahun 2020. APEC telah memperuntukkan AUD2juta bagi setiap ekonomi untuk melaksanakan pembinaan keupayaan di bawah RAASR. Di bawah inisiatif ini, Malaysia telah mengenal pasti tiga bidang, iaitu pembaharuan dalam rundingan awam, pengantarabangsaan dan pemerksaan wanita di dalam membuat keputusan. Malaysia akan bekerjasama rapat dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk membida dana pembangunan keupayaan RAASR dan melaksanakan RAASR IAP.

Malaysia telah mengetuai satu projek jangka pendek mengenai pekerjaan belia yang dinamakan *MyAPEC YouthConnect* untuk menekankan kepentingan menghubungkan insan kepada insan yang lain melalui pergerakan bakat dan pertukaran budaya seperti yang ditunjukkan dalam *APEC Connectivity Blueprint 2015-2025*. Sebagai usaha sama antara MITI dan *Talent Corp*, *MyAPEC YouthConnect* mengasah bakat belia Malaysia supaya lebih dinamik dan berdaya saing di arena antarabangsa.

Di bawah program *MyAPEC YouthConnect* yang dilancarkan pada 18 Disember 2016, belia Malaysia yang berpotensi tinggi mempunyai peluang untuk bekerja di syarikat-syarikat terkemuka yang telah menjalankan perniagaan yang baik di rantau APEC sementara golongan belia daripada para ekonomi/negara APEC yang lain boleh menimba pengalaman kerja di peringkat antarabangsa sekiranya ditempatkan di Malaysia. Sejumlah 52 syarikat termasuk syarikat multinasional telahpun menyertai program *MyAPEC YouthConnect*.


Di samping itu, Malaysia telahpun berjaya memperolehi dua projek yang dibiayai oleh APEC bagi Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) yang bernilai AS\$260,000.00. Malaysia mendahului inisiatif ECOTECH dalam bidang *Offline to Online (O2O)* PKS dan integrasi PKS di dalam sektor automotif GVC. Malaysia juga telah mendapat manfaat daripada program *APEC ECOTECH* melalui 185 penyertaan peserta/penceramah dari Malaysia yang telah dibiayai oleh APEC melalui pelbagai bengkel/seminar APEC.

PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA (WTO)

Kemajuan terkini dalam WTO ialah Perjanjian Fasilitasi Perdagangan (TFA) yang berkuatkuasa pada 22 Februari 2017.

Malaysia menjadi tuan rumah Forum Ekonomi Dunia untuk ASEAN 2016 (1-2 Jun), di mana pengumuman telah dibuat mengenai penubuhan Kumpulan Strategi Serantau ASEAN (RSG) yang akan diwujudkan. Dato’ Sri Nazir Razak, Pengerusi kepada *CIMB Group Holdings Malaysia*, telah dilantik

FAEDAH PERJANJIAN KEMUDAHAN PERDAGANGAN (TFA)



sebagai Pengerusi pertama RSG ASEAN yang merangkumi Kerajaan serantau, perniagaan dan para pemimpin akademik. Pada Januari 2017, ASEAN RSG telah menyertai Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia 2017 di Davos-Klosters, Switzerland dan Forum Ekonomi Dunia berhubung ASEAN akan diadakan di Phnom Penh pada Mei 2017. Sebagai persediaan untuk acara kedua, ASEAN RSG telah membincangkan mengenai cadangan untuk melaksanakan satu kajian untuk mengkaji pelbagai model integrasi serantau. Kajian ini akan memahami bagaimana Revolusi Industri Keempat (4IR) dapat menjejaskan integrasi serantau. Ia juga dapat menjana pelbagai konsep mengenai bagaimana ASEAN boleh menghadapi cabaran dinamik baru, mengimbangkan kekuatan mengikut kaedah ASEAN dalam menghadapi cabaran yang pantas dalam mempercepatkan integrasi dan memperkasakan Sekretariat ASEAN.

PENGLIBATAN EKONOMI DUA HALA

Walaupun penglibatan ekonomi dengan rakan-rakan ekonomi utama seperti RRC, Singapura, AS, Jepun dan Thailand terus menjadi fokus program perdagangan dan pelaburan MITI, namun pasaran-pasaran baru di rantau Afrika, Amerika Latin dan Asia Barat juga akan diterokai.

Misi perdagangan dan pelaburan pada tahun 2016 telah ke New Zealand (2-6 Februari), India dan Sri Lanka (2-6 Mei), Peru, Mexico dan Brazil (13-22 Mei), Jerman (26 September -1 Oktober) dan Iran (22-25 Oktober).

Program Promosi Malaysia (MPP) ke United Kingdom (UK) (22-25 September) menyaksikan penyertaan daripada

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad, Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, YTL Corporation Berhad dan komuniti Malaysia di London. MPP merupakan satu program kerjasama bersepadu awam-swasta yang bertujuan untuk mempromosikan Malaysia dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Antara acara-acara utama lain, forum 'Peluang Perniagaan dalam Lanskap Ekonomi yang Berubah' dianjurkan bersama oleh MIDA dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, dan dihadiri oleh 250 wakil dari komuniti perniagaan British.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah mengambil bahagian bersama MITI dalam MPP di Sydney, Australia (4-6 Disember). MIDA dan MATRADE telah menganjurkan satu forum perniagaan 'Memanfaatkan Perkongsian, Merapatkan Peluang' yang telah menarik minat lebih daripada 300 orang peserta daripada pelbagai sektor.

PERDAGANGAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DENGAN AMERIKA UTARA

Amerika Syarikat (AS) terus menjadi negara perdagangan utama Malaysia dengan nilai dagangan oleh Amerika Utara sebanyak RM135.88bilion (9.2 peratus daripada jumlah dagangan) manakala dagangan dengan AS berjumlah RM5.69bilion (0.4 peratus daripada jumlah dagangan). Di samping itu, AS mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagang dunia ketiga terbesar bagi Malaysia

walaupun berhadapan dengan persekitaran global yang mencabar pada tahun 2016.

Eksport ke AS meningkat sebanyak 8.9 peratus kepada RM80.23bilion (2015:14.4 peratus, RM73.67bilion). Barangan pembuatan meningkat 10.0 peratus, mencapai 95.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke AS bernilai RM76.75 bilion (2015: meningkat sebanyak 16.7 peratus kepada RM69.81bilion, 94.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke AS).

Eksport utama adalah barangan E & E seperti peranti photosensitive separa konduktor, alat ganti dan aksesori bagi mesin-mesin pejabat dan peralatan untuk penghantaran/penerimaan. Industri yang menghasilkan barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia, barangan kayu, keluaran petroleum, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan perkilangan logam juga mencatatkan peningkatan dalam eksport.

Import dari AS menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus bernilai RM55.65bilion (2015: meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM55.34bilion) dengan import utama merangkumi barangan E & E, jentera kelengkapan dan peralatan, kimia dan bahan kimia.

AS menjadi pelabur kedua terbesar Malaysia semenjak tahun 1980 dengan 795 projek yang diluluskan dalam sektor pembuatan bernilai RM71.9bilion dan memberikan 197,606 peluang pekerjaan untuk tempoh dari tahun 1980 hingga 2016. Pada tahun 2016 sahaja, sejumlah 18 projek dalam sektor pembuatan bernilai RM2.1bilion telah diluluskan, menawarkan 2,139 peluang pekerjaan. Pelaburan dari AS merentasi semua

sektor (pertanian, perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan) berjumlah RM16.5bilion pada tahun 2016 (2015: RM16.2 bilion).

AS dan Kanada terus menjadi rakan dagang penting bagi Malaysia walaupun AS telah secara rasmi menarik diri dari Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) pada Januari 2017.

Walau bagaimanapun, Malaysia akan memantau secara dekat perkembangan terutamanya dasar perdagangan AS dan akan terus berhubung dengan kedua-dua negara Amerika Utara tersebut bagi meningkatkan perdagangan dua hala dan hubungan ekonomi dengan mereka, di samping menerokai peluang-peluang untuk mempromosikan 'Jenama Malaysia' kepada kedua-dua buah negara.

Eksport ke Kanada, rakan dagang Malaysia ke-28 terbesar dunia, bernilai RM2.9bilion (2015: RM3.0bilion) dengan eksport utama merupakan barangan E & E, keluaran getah, barangan kayu, barangan makanan diproses, serta kimia dan bahan kimia. Import Malaysia dari Kanada pula adalah kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan, minyak sayuran lain, jentera kelengkapan dan peralatan serta barangan E&E, bernilai RM2.8bilion (2015: RM2.7bilion).

EROPAH KEKAL MENJADI RAKAN DAGANG UTAMA

Perdagangan dengan Eropah pada tahun 2016 meningkat sebanyak 1.5 peratus mencecah RM85.76bilion (2015: RM84.48bilion). Perdagangan telah dijalankan dengan sejumlah 50 buah negara termasuk UK dan 27 Negara Ahli Kesatuan Eropah

(EU), dan empat negara Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA), iaitu Switzerland, Liechtenstein, Norway dan Iceland.

Kesatuan Eropah (EU) telah menyerap sebanyak 89 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia dengan Eropah. Rakan-rakan dagangan yang terbesar adalah Jerman, Belanda, Britain, Perancis dan Switzerland.

Jumlah eksport ke Eropah meningkat 1.5 peratus kepada RM85.8bilion (2015: RM84.5bilion), dengan Jerman mengatasi Belanda sebagai destinasi eksport terbesar Malaysia. Eksport utama adalah barangan E & E, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan optik dan saintifik, keluaran getah, kimia dan bahan kimia.

Import dari EU, walau bagaimanapun, menurun sebanyak 0.5 peratus kepada RM67.22bilion (2015: RM69.58bilion) dengan Jerman mengekalkan kedudukannya sebagai sumber import terbesar negara. Import utama adalah barangan E & E, jentera kelengkapan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia, serta barangan optik dan saintifik.

Untuk rantau EFTA sahaja, eksport meningkat kepada RM3.15bilion (2015: RM2.30bilion) manakala import menurun kepada RM8.19bilion (2015: RM10.28bilion). Pada tahun 2016, Switzerland merupakan negara utama bagi eksport Malaysia (88 peratus) dan juga merupakan negara import terbesar (87 peratus) Malaysia berbanding negara-negara anggota EFTA yang lain.

Negara-negara Eropah (terutamanya ahli-ahli EU) terus menjadi sumber

utama pelaburan langsung asing (FDIs) bagi Malaysia terutamanya dalam sektor pembuatan. Pada tahun 2016, Jerman merupakan pelabur terbesar dari negara Eropah di Malaysia (keempat terbesar dunia selepas Jepun, Amerika Syarikat dan Singapura), diikuti oleh Belanda dan Inggeris.

Penarikan diri oleh UK dari EU, atau lebih dikenali sebagai Brexit, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan komuniti perniagaan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kesan Brexit kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia dijangka adalah minima kerana UK adalah hanyalah salah satu daripada pintu masuk ke pasaran EU bagi eksport Malaysia. Brexit juga dijangka tidak memberikan impak yang boleh mengganggu sektor luar Malaysia kerana dagangan Malaysia dengan UK berjumlah RM15.3bilion pada tahun 2016 atau hanya satu peratus daripada jumlah dagangan Malaysia (2015: RM16.4bilion).

MENINGKATKAN PERDAGANGAN DENGAN AMERIKA LATIN

Sikap keterbukaan Amerika Latin yang meningkat adalah jelas melalui beberapa siri pembaharuan ekonomi yang menunjukkan potensi besar di rantau ini. Malaysia telah menjalinkan hubungan perdagangan yang baik dengan negara-negara seperti Mexico, Brazil, Peru dan Chile, terutamanya dalam sektor perlombongan, penjagaan kesihatan, peralatan perubatan, minyak sawit, aeroangkasa, penerbangan, automotif dan sektor niagatani, dan bercadang untuk memperhebatkan penglibatan dengan rantau utama tersebut.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA) merupakan FTA dua hala pertama di antara Malaysia dan negara Amerika Latin, berkuatkuasa 25 Feb 2012.

Malaysia akan memanfaatkan kepentingan ekonomi dengan Amerika Latin untuk menembusi pasaran ASEAN dan Asia. MITI akan mempergiatkan usaha promosi untuk mendapat akses pasaran yang lebih baik ke Amerika Latin selain daripada Mexico, Brazil, Peru dan Chile serentak dengan usaha membantu mempromosikan Malaysia sebagai pintu masuk ke ASEAN dan Asia.

Perdagangan dengan Amerika Latin meningkat 5.9 peratus kepada RM32.4bilion (2015: RM30.6bilion) dengan eksport bernilai RM15.4bilion (2015: RM14.0bilion). Amerika Latin menyumbang peratusan yang lebih tinggi kepada jumlah eksport Malaysia iaitu sebanyak 2.0 peratus pada tahun 2016 (2015: 1.8 peratus). Lima destinasi eksport utama adalah Mexico, Brazil, Argentina, Chile dan Peru.

Terdapat juga penambahan eksport ke Mexico (25.4 peratus), Peru (42.2 peratus), Trinidad dan Tobago (110.4 peratus), Paraguay (71.4 peratus) dan Costa Rica (60.7 peratus). Pemacu utama bagi peningkatan eksport pada tahun 2016 adalah industri yang menghasilkan barangan E & E, keluaran getah, jentera kelengkapan dan peralatan, kimia dan bahan kimia serta barangan makanan diproses.

Eksport yang menunjukkan peningkatan ketara adalah barang kemas (300.3 peratus), keluaran petroleum (278.7 peratus), barangan

besi dan keluli (212.4 peratus), kayu gergaji dan kumaj (37.2 peratus), dan kimia dan bahan kimia (24.7 peratus).

Bagi sektor automotif pula, pembuat kereta Malaysia, Proton telah kembali ke rantau tersebut selepas menyepi selama 16 tahun. Penghantaran pertama merupakan 50 unit *left hand drive* Proton Prevé ke Chile pada tahun 2016.

Import dari Amerika Latin telah meningkat sebanyak 2.1 peratus kepada RM17.0bilion (2015: RM16.7bilion). Import utama adalah lain-lain pertanian, bijih logam dan serpihan logam, barangan makanan diproses, serta lain-lain barangan pembuatan dan bahan E & E.


MENINGKATKAN PERDAGANGAN DENGAN AFRIKA

Benua Afrika memberi peluang pasaran yang luas dengan 54 buah negara dan populasinya yang melebihi satu bilion orang, mempunyai kekayaan sumber asli, kemudahan infrastruktur yang bertambah baik serta ekonomi yang kukuh. MITI adalah berminat menjalinkan kerjasama Perdagangan Strategik yang baharu di

DAGANGAN DENGAN AFRIKA 2016

2016: RM26.0bilion (2015: RM30.1bilion)

Kadar pertumbuhan sebanyak 10.6 peratus purata setahun sejak 2006



rantau ini dan terus meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai sektor strategik termasuk pembangunan PKS, Perkhidmatan dan industri halal.

Bagi meningkatkan perdagangan, MITI dan agensi telah menganjurkan program promosi perdagangan pada tahun 2016 yang terdiri daripada Hari Perniagaan Afrika yang pertama (31 Oktober-1 November 2016). Acara tersebut telah menawarkan seminar perniagaan, bengkel, *one-to-one meetings*, pameran perniagaan, lawatan industri dan jalinan kerjasama. Hari Perniagaan Afrika telah menarik minat yang mendalam oleh rakan-rakan perdagangan sedia ada maupun yang berpotensi. Lebih daripada 570 orang peserta daripada 428 organisasi termasuk wakil dari Gambia, Ghana, Kenya, Lesotho, Senegal, Somalia, Afrika Selatan, Sudan, Tunisia dan Uganda telah menghadiri acara tersebut bagi meneroka peluang-peluang perdagangan.

ASIA BARAT: SEBUAH PERDAGANGAN YANG BARU MUNCUL DAN RAKAN KONGSI PELABURAN


Perdagangan dengan Asia Barat meningkat sebanyak 4.1 peratus berpunca daripada kepelbagaian ekonomi negara-negara di rantau ini serta aktiviti ekonomi yang mula cergas. Pada tahun 2016, Kerajaan Arab Saudi, Turki, Iran, Bahrain, Lubnan dan Iraq telah mencatatkan peningkatan dalam perdagangan dengan Malaysia.


Eksport produk petroleum ke Asia Barat meningkat sebanyak 2,578.6 peratus bernilai RM445.9juta

(2015: RM16.6juta). Eksport ke Turki meningkat sebanyak 89.0 peratus, kadar peningkatan eksport tertinggi untuk rantau tersebut, berikutan pelaksanaan FTA Malaysia-Turki.

Satu pencapaian yang patut diberi perhatian adalah peningkatan perdagangan dengan Iran, yang menyaksikan lonjakan sebanyak 34.1 peratus mencapai RM2.81bilion pada 2016 (2015: RM2.09bilion), didorong oleh teraluhnya sekatan antarabangsa yang dikenakan ke atas Republik tersebut sempena *Implementation Day of the Joint Comprehensive Plan of Action (JCPOA)* pada 16 Januari 2016. Pada tahun-tahun sekatan antarabangsa ke atas Iran,

Satu lagi perkembangan yang positif adalah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara PETRONAS dan National Iranian Oil Company (NIOC), yang ditandatangani pada 21 Disember 2016 di Tehran untuk bekerjasama dalam menyiapkan satu bidang kajian selama enam bulan di Selatan Azadegan dan Cheshmeh Khosh.





MENGUKUHKAN KERJASAMA, MEMBINA PELUANG DENGAN RRC

Republik Rakyat China (RRC) merupakan ekonomi kedua terbesar dunia dengan jumlah penduduk seramai kira-kira 1.37bilion pada penghujung 2015, yang dijangka akan mencapai kira-kira 1.42bilion menjelang tahun 2020.

Malaysia dan RRC kini sedang bekerjasama dalam dua projek pelaburan penting iaitu Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) dan China-Malaysia Qin Zhou Industrial Park (CMQIP).

Semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ke RRC (31 Oktober-6 November), sejumlah 14 G-2-G perjanjian/MOU dan 20 B-2-B cadangan perniagaan dengan anggaran nilai sebanyak RM143.64bilion (USD35.91bilion) telah ditandatangani.

Perdana Menteri menyatakan bahawa *Genting Secret Garden Resort* telah membuat pelaburan yang besar sebanyak RMB20bilion (RM13bilion) dalam projek mereka di pinggir bandar Zhangjiakou di wilayah Hebei, yang

akan menjadi lokasi yang penting untuk Olimpik Musim Sejuk Beijing pada 2022.

MITI dan Kementerian Perdagangan RRC (MOFCOM) telah menandatangani Laporan Kemajuan Bersama dan telah bersetuju untuk meneruskan satu program untuk tempoh lima tahun dari 2018 ke 2022. Forum Perniagaan Malaysia-China (1 November) telah dihadiri oleh lebih daripada 450 pemimpin korporat dari kedua-dua RRC dan Malaysia.

MESYUARAT MAJLIS KERJASAMA MCKIP DAN CMQIP (28 MAC) KE-3

Mesyuarat Suruhanjaya Kerjasama bersama (JCC) ke-3 di antara Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) dan China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP) telah diadakan di Qinzhou, Rantau Berautonomi Guangxi Zhuang, RRC. Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri (Perdagangan) MITI, Dato' Lee Chee Leong dan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob. Delegasi China adalah diketuai oleh Pengerusi Bersama, He Gao Yan, Timbalan Menteri Perdagangan daripada RRC dan H.E. Zhang Xiaoqin, Naib Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang.

Pihak berkuasa bagi kawasan-kawasan perindustrian tersebut telah melaporkan kemajuan dan perkembangan yang berlaku. Mesyuarat JCC telah menyokong laporan kerja yang dibuat dan menghargai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan pusat dan tempatan bagi kedua-dua negara dalam menyokong pembinaan kawasan-kawasan tersebut.


Kerajaan Malaysia telah membelanjakan RM1.5 bilion untuk menyokong pembangunan MCKIP dan Kerajaan Negeri Pahang telah mengumumkan penambahan 1,000 ekar lagi untuk tapak yang sedia ada seluas 1,400 ekar. Pelan Induk bagi pembangunan MCKIP telah dimuktamadkan. Pelaburan pertama MCKIP adalah dengan *Alliance Steel Sdn Bhd* untuk projek besi dan keluli yang komprehensif. Projek tersebut telahpun memulakan pembinaannya dan sedang berjalan lancar.

Dua pelaburan baru telah dilaksanakan di MCKIP, iaitu pelaburan kawasan perindustrian ringan oleh Kumpulan Zhongli dan pusat pembuatan dan kejuruteraannya yang dilabur oleh ZKenergy. Nilai pelaburan keseluruhan projek dan pelaburan dianggarkan berjumlah USD3.38bilion

CMQIP mempunyai keluasan sebanyak 55 km² termasuk zon permulaan 7.87 km². Hampir 40 projek berteknologi tinggi dan baru dengan anggaran jumlah pelaburan sebanyak RMB40bilion telahpun dibuat di kawasan tersebut. Dengan sokongan fiskal bernilai RMB2.4bilion dari kerajaan pusat RRC untuk tempoh dari tahun 2013 hingga 2015, projek-projek infrastruktur '*Seven Connects, One Soil Levelling and One Green*' telahpun siap.

Sepuluh projek kemudahan sokongan bandar juga sudah dimuktamadkan, menelan kos sejumlah RMB 4.5bilion. Matlamat pembangunan Fasa I (15km²), yang pada asalnya dirancang dijangka siap pada tahun 2020, kini dijangka akan dicapai lebih awal pada tahun 2018.





Dalam tempoh 2014 hingga 2016, sejumlah 1,262,914 Sijil Tempasal Berkeutamaan(PCOs) di bawah FTA serantau dan 300,701 PCOs di bawah FTA Dua Hala/Bilateral telah dikeluarkan. FTA Serantau telah lebih digunakan kerana pengeksport Malaysia lebih cepat memperluaskan perniagaan dan pasaran mereka di rantau ASEAN.

Eksport ke enam buah negara ASEAN, iaitu Viet Nam, Singapura, Myanmar, Filipina, Kemboja dan Lao PDR serta Turki, Pakistan dan India telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2016. Eksport utama merangkumi barangan E & E,

TAHUN	BIL. PCO YG DIKELUARKAN	NILAI FOB (RM bilion)
2014	510,653	238
2015	513,668	178
2016	539,260	148
JUMLAH	1,563,581	564

Bilangan PCO yang dikeluarkan dan Jumlah Nilai FOB (RM), 2014-2016

keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, Gas Asli Cecair (LNG) dan barangan pembuatan logam.

FTA dua hala yang paling ketara adalah Malaysia-Turki FTA (MTFTA), di mana 13,975 PCOs dengan nilai FOB RM7.5bilion telah dikeluarkan melalui pelaksanaan FTA tersebut pada Ogos 2015 hingga akhir 2016.

Berkuatkuasa 1 Januari 2016, penghapusan 100 peratus tarif bagi eksport Malaysia ke New Zealand dan 99.5 peratus tarif bagi eksport New Zealand ke Malaysia telah dilaksanakan melalui Malaysia-New Zealand FTA (MNZFTA) yang ditandatangani pada Oktober 2009. Penghapusan tersebut merupakan empat tahun lebih awal daripada ASEAN-Australia-New Zealand FTA (AANZFTA).

Pada September 2016, *Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement (MPCEPA)*, telah bersetuju untuk meliberalisasi seterusnya barangan utama terpilih antara kedua-dua negara. Kedua-dua pihak juga telah mengkaji semula komitmen awal mengenai Peraturan Tempasal (ROO) dan Sijil Tempasal Berkeutamaan (PCO) bagi memastikan keterangkuman dan fasilitasi aktiviti perniagaan yang lebih baik.

Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP), yang diusahakan oleh ASEAN yang terdiri baik daripada ASEAN+ 1 FTAs iaitu RRC, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand, masih dalam rundingan. 16 buah negara RCEP mempunyai gabungan KDNK sebanyak AS\$22.8trilion atau sebanyak 30.7 peratus daripada KDNK dunia serta mewakili 28.9 peratus daripada perdagangan dunia bernilai AS\$9.6trilion.

Skop semasa rundingan RCEP meliputi tiga bidang teras, iaitu perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan dan pelaburan. Empat belas kumpulan rundingan telah ditubuhkan untuk berbincang mengenai pelbagai bab termasuk Peraturan Tempasal (ROO), Kastam, kebersihan dan tisanitasi, piawaian, kewangan dan perkhidmatan telekomunikasi, ekonomi dan kerjasama teknikal (ECOTECH) serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), harta intelek, pertandingan, eDagang serta isu-isu perundangan dan institusi. Hasil utama pada tahun 2016 adalah penyelesaian bab ECOTECH dan PKS.

Rundingan ASEAN-Hong Kong, RRC FTA (AHKFTA) dijangka akan selesai menjelang penghujung 2017. AHKFTA meliputi antara lain, perdagangan barangan dan isu-isu yang berkaitan dengannya, perdagangan perkhidmatan, pelaburan dan ECOTECH. Apabila berkuat kuasanya AHKFTA, hubungan perdagangan yang lebih bersepadu dan diperkukuh dengan Hong Kong, RRC akan dapat dinikmati oleh ASEAN. ASEAN juga akan mempunyai peluang untuk mendapat manfaat daripada kepakaran dan amalan terbaik mengenai sektor perkhidmatan oleh Special Administrative Region (Perjanjian Pelaburan ASEAN-HKC merupakan rundingan yang berasingan, sama seperti AHKFTA.)

Malaysia berusaha untuk kemungkinan menyambung rundingan terakhir Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA), yang telah bermula pada tahun 2010 dan kemudiannya ditangguhkan sementara pada tahun 2012. Apabila selesai, MEUFTA akan menjadi perjanjian komprehensif, bermutu tinggi yang dapat memberi manfaat kepada perniagaan dan peniaga-peniaga dari Malaysia dan Kesatuan Eropah.


ATIGA

ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) akan terus menjadi skim yang paling banyak digunakan di bawah FTA serantau dengan bilangan PCO sebanyak 667,273. Para pengeluar di Malaysia, pengeksport dan PKS telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan *ASEAN Self-Certification Scheme* di bawah ATIGA. *Self Certification Scheme* ini membolehkan *Certified Exporters (CE)* membuat pengisytiharan invoice ke atas eksport barangan dan mendapat konsesi tarif keutamaan di bawah ATIGA. Pelaksanaan *Self Certification Scheme* tersebut bertujuan untuk memudahkan perdagangan intra-ASEAN, mengurangkan kos dan masa menjalankan perniagaan serta memaksimumkan sumber kerajaan.

Buat masa sekarang, terdapat dua projek rintis bagi *Self Certification Scheme* yang telah diluluskan oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN dan *ASEAN Free Trade Area Council*. Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Kemboja dan Myanmar merupakan negara-negara yang menyertai *Certification Pilot Project (1st SCPP)*. Indonesia, Lao PDR dan Filipina pula telahpun menyertai *Certification Pilot Project Kedua (2nd SCPP)*. Sejak bermulanya SCPP 1, MITI sebagai pihak berkuasa yang mengeluarkan sijil tersebut telah memperakui 179 pengeksport.

ASEAN sedang membincangkan pelaksanaan sendiri *ASEAN-Wide Self-Certification Scheme* di mana perbezaan yang penting antara kedua-dua Kumpulan Projek Perintis akan diharmonikan dan semua AMS akan menggunakan system perakuan persendirian atau *self-certification system*. *ASEAN-Wide Self-Certification Scheme* merupakan salah satu inisiatif bagi memudahcara perdagangan demi mencapai Pasaran Tunggal ASEAN dan Asas Pengeluaran.

AKTIVITI PROMOSI EKSPORT DALAM TAHUN 2016



PROMOSI PERDAGANGAN

MITI dan MATRADE telah menganjurkan 25 aktiviti promosi eksport pada tahun 2016 yang telah menjana sebanyak RM24.92bilion dalam anggaran jualan.

Bagi membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk menguasai bahagian yang lebih besar dalam pasaran global, MITI dan MATRADE akan menumpukan kepada usaha-usaha promosi bagi mengekalkan eksport di pasaran berpotensi, mempelbagaikan sektor ke arah pasaran dan eksport *greenfield* selain pertambahan eksport perkhidmatan dan produk-produk bernilai tinggi. Tumpuan juga adalah dalam meningkatkan skala dan keupayaan para pengeksporth Malaysia melalui pakatan strategik dengan pelbagai industri dan pihak-pihak berkepentingan.

MITI dan MATRADE akan menggiatkan usaha mulai tahun 2017 dan seterusnya untuk menggalakkan para penyedia

perkhidmatan Malaysia ke dalam rantaian bekalan global melalui kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat besar. Pasaran halal global menawarkan potensi yang besar untuk para dan pengeluar dan pengeksporth Malaysia. *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* adalah mercu tanda industri halal yang dilancarkan pada tahun 2004 untuk mempromosi makanan dan minuman yang halal (F & B). Ia telah berkembang dengan merangkumi segmen bukan makanan seperti ubat-ubatan yang halal dan produk-produk kecantikan yang halal serta perkhidmatan kewangan, logistik, eDagang dan perkhidmatan pelancongan.

PERSEKITARAN PERDAGANGAN YANG SELAMAT

Melalui Sekretariat Perdagangan Strategik (STS), MITI menggalakkan perdagangan barangan strategik dan dual kegunaan dalam persekitaran perdagangan yang selamat serta bekerjasama dengan komuniti antarabangsa bagi memastikan bahawa Malaysia memenuhi komitmen antarabangnya berhubung keselamatan global.

MITI telah bekerjasama dengan negara-negara rakan termasuk AS, EU, Jepun dan Australia untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman Malaysia dengan negara-negara yang sedang menubuhkan peraturan kawalan mereka masing-masing. Pada tahun 2016, Malaysia telah menganjurkan lawatan kerja oleh petugas kawalan eksport dari Viet Nam dan Kemboja untuk mengkaji sistem kawalan eksport Malaysia.

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan kepakaran dalam melaksanakan sebuah sistem kawalan eksport yang cekap dan berkesan, terutamanya dalam konteks rantau ASEAN sebagai hab transit dan pemindahan Malaysia, pada tahun 2016, pegawai-pegawai MITI telah dijemput untuk menjadi penceramah di bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh Kesatuan Eropah di Brunei dan Filipina.

KEDUDUKAN

WORLD COMPETITIVENESS YEARBOOK (WCY) 2016

Buku WCY 2016 yang dikeluarkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan (IMD) di Lausanne, Switzerland, Malaysia telah turun ke tangga yang ke-19 daripada kedudukan ke-14 berbanding 61 ekonomi pada tahun sebelumnya.



2016		2015
Tangga Ke-11	PRESTASI EKONOMI	Tangga Ke-6
Ke-25	Imbangan Akaun Semasa (peratus kepada KDNK)	Ke-15
Ke-37	Eksport Barangan – Pertumbuhan (peratus perubahan berdasarkan nilai AS\$)	Ke-21
Ke-31	Terma-terma Dagangan Indeks (Nilai unit eksport berbanding unit nilai import)	Ke-16
Ke-39	Kadar pertukaran menyokong daya saing syarikat	Ke-17
Ke-50	Eksport Perkhidmatan Komersial - Pertumbuhan (peratus perubahan berdasarkan nilai AS\$)	Ke-55
Ke-25	Pekerjaan - Pertumbuhan Anggaran: peratus perubahan)	Ke-11
Ke-47	Liabiliti Pelaburan Portfolio (AS\$ bilion)	Ke-24



2016		2015
Tangga Ke-20	UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN	Tangga Ke-24
Ke-32	Agenda Masyarakat	Ke-35
Ke-21	Produktiviti dan Kecekapan	Ke-24
Ke-18	Kecekapan Kerajaan	Ke-16
Ke-14	Kecekapan Perniagaan Malaysia	Ke-10
Ke-6	Pasaran Buruh	Ke-4
Ke-9	Amalan Pengurusan	Ke-6



2016		2015
Tangga Ke-18	KECEKAPAN KERAJAAN	Tangga Ke-16
Ke-43	Jumlah Hutang Am Kerajaan - Pertumbuhan Sebenar (perubahan peratus, berdasarkan kadar mata wang negara pada harga malar)	Ke-31
Ke-18	Birokrasi tidak menghalang aktiviti perniagaan.	Ke-7
Ke-41	Risiko ketidakstabilan politik adalah sangat rendah.	Ke-30
Ke-50	Faedah Pembayaran (peratus hasil semasa)	Ke-47
Ke-52	Wanita dalam Parlimen (peratus jumlah kerusi di Parlimen)	Ke-51



2016		2015
Tangga Ke-14	KECEKAPAN PERNIAGAAN	Tangga Ke-10
Ke-21	Tawaran Awam Permulaan (purata 2013-2015) dalam AS\$ juta	Ke-6
Ke-39	M & A aktiviti (bilangan transaksi mengikut syarikat yang disenaraikan, purata tahun 2013-2015)	Ke-22
Ke-20	Sistem nilai dalam masyarakat yang menyokong daya saing	Ke-9
Ke-50	Indeks Pasaran Saham (peratus perubahan pada indeks matawang negara)	Ke-40
Ke-51	Pekerjaan Sambilan (peratus daripada jumlah guna tenaga)	Ke-49
Ke-51	Tenaga Kerja Wanita (peratus daripada jumlah tenaga buruh)	Ke-51

**KEDUDUKAN: LAPORAN PERSAINGAN
GLOBAL 2016-2017**


	2016-2017	2015-2016
INSTITUSI	ke-26	ke-23
• Kebebasan kehakiman	ke-45	ke-33
• Kos perniagaan untuk keganasan	ke-78	ke-72
• Kos perniagaan untuk jenayah dan keganasan	ke-60	ke-49
• Jenayah terancang	ke-59	ke-54
PERSEKITARAN MAKROEKONOMI	ke-35	ke-35
• Baki Bajet Kerajaan	ke-69	ke-85
• Hutang kerajaan	ke-84	ke-92
KESIHATAN DAN PENDIDIKAN RENDAH	ke-44	ke-24
• kekerapan HIV	ke-85	ke-74
• insiden batuk kering	ke-93	ke-90
• jangka hayat	ke-67	ke-58
• kadar enrolmen pendidikan rendah	ke-77	ke-41
PENGAJIAN TINGGI DAN LATIHAN	ke-41	ke-36
• Kadar pendaftaran pendidikan menengah	ke-95	ke-100
• Kadar enrolmen pendidikan tertiar	ke-85	ke-69
KECEKAPAN PASARAN BARANGAN	ke-12	ke-6
• jumlah kadar cukai % keuntungan	ke-79	ke-76
• tarif perdagangan % duti	ke-63	ke-63
• kesan perniagaan ke atas peraturan FDI	ke-41	ke-18
KECEKAPAN PASARAN BURUH	ke-24	ke-19
• Kos berulang	ke-120	ke-107
• Penyertaan wanita dalam tenaga buruh	ke-104	ke-118
PEMBANGUNAN PASARAN KEWANGAN	ke-13	ke-9
• Kemudahan capaian kepada pinjaman P	ke-25	ke-2
• Peraturan bursa sekuriti	ke-30	ke-20
KESEDIAAN TEKNOLOGI	ke-43	ke-47
• Langganan internet broadband tetap	ke-73	ke-68
• Internet jalur lebar	ke-75	ke-77
• Tahap penyerapan teknologi oleh firma	ke-19	ke-23
• Langganan broadband mudah alih	ke-21	ke-48
KECANGGIHAN PERNIAGAAN	ke-20	ke-13
• Kawalan pengedaran antarabangsa	ke-15	ke-7
SAIZ PASARAN	ke-24	ke-26
• Indeks saiz pasaran asing	ke-17	ke-18
INFRASTRUKTUR	ke-24	ke-24
• Kualiti infrastruktur pengangkutan udara	ke-20	ke-21

Forum Ekonomi Dunia (WEF), yang telah menerbitkan Laporan Daya Saing Global (GCR) 2016-2017, telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 daripada 138 ekonomi dengan markah 5.16 (GCR 2015-2016: 5.23) berbanding kedudukan ke-18 daripada 140 negara pada 2015-2016.


**BANK DUNIA MELETAKKAN MALAYSIA KE TEMPAT YANG
KE-23 UNTUK KEMUDAHAN MENJALANKAN PERNIAGAAN
(EASE OF DOING BUSINESS)**

The World Bank's Doing Business Report (DB) mengukur peraturan-peraturan yang membolehkan atau menghalang peniaga sektor swasta daripada memulakan, beroperasi dan mengembangkan menggunakan 11 set indikator: Memulakan Perniagaan, Berurusan Dengan Permit Pembinaan, Mendapat Kuasa Elektrik, Pendaftaran Harta, Mendapatkan Kredit, Melindungi Pelabur Minoriti, Membayar Cukai, Perdagangan Merentasi Sempadan, Menyelesaikan Insolvensi, Menguatkuasakan Kontrak Dan Peraturan Pasaran Buruh.

DB 2017 telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 23 dengan panjang keseluruhan ke sempadan (DTF) skor 78.11 antara ekonomi yang dikaji, turun dari kedudukan 22 pada skor 78.18 tahun lepas. Malaysia pada mulanya adalah pada kedudukan 18 pada DB 2016, tetapi kedudukan untuk tahun tersebut telah disemak semula ke kedudukan yang ke-22 dengan mengambil kira perubahan tertentu dalam kaedah.

Dengan ASEAN, Malaysia telah diletakkan pada kedudukan kedua selepas Singapura dan di depan ekonomi negara-negara seperti Thailand (46), Indonesia (91), Jepun (34), China (78), Perancis (29), Switzerland (31) dan India (130). Bagi DB 2017, Bank Dunia telah menambah satu komponen *gender* buat pertama kalinya kepada tiga indikator: Memulakan Perniagaan, Hartanah Mencatatkan Dan Menguatkuasakan Kontrak. Tiga indikator yang berkaitan dengan penunjuk perniagaan (SAB) ditetapkan, iaitu sama ada seorang wanita memerlukan kebenaran untuk meninggalkan rumah, sama ada terdapat prosedur mengenalpasti gender-spesifik dan sama ada seorang wanita yang telah berkahwin perlu mendapat persetujuan suaminya kebenaran untuk memulakan perniagaan.

Pindaan yang dibuat kepada kaedah DB 2015 meliputi pengenalan markah DTF dan perubahan dalam skop kajian bagi tiga penunjuk iaitu mendapatkan kredit, melindungi pelabur minoriti dan Penyelesaian Insolvensi menyelesaikan. DB 2016 telah membuat perubahan tambahan kepada kaedah bagi mengambil kira lima lagi set indikator *Doing Business*, seperti Pendaftaran Harta, Urusan Permit Pembinaan, Mendapatkan Kuasa Elektrik, Penguatkuasaan Kontrak Dan Perniagaan Merentas Sempadan.



PELABURAN

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) matlamat sektor pembuatan adalah menghasilkan produk-produk yang lebih bernilai tinggi, pelbagai dan kompleks. Pelaburan asing dan domestik dalam sektor-sektor bernilai tinggi dan berteknologi tinggi terus secara langsung menyokong *capital economy*.

PELABURAN

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11, 2016-2020) telah menetapkan sasaran RM291bilion setahun (harga semasa) untuk purata pelaburan swasta bagi mencapai matlamat transformasi ekonomi menjelang tahun 2020. Strategi Pembangunan Nasional Malaysia, seperti yang digariskan dalam RMK11, bertujuan memastikan pelaksanaan impak tinggi dengan segera kepada kedua-dua ekonomi, *capital economy* dan *people economy* pada kos yang lebih rendah kepada Kerajaan.

Sebagai balasan, MITI dan MIDA telah membuat usaha strategik bagi menarik pelaburan dalam sektor yang bernilai dan berteknologi tinggi yang disasarkan seperti pengangkutan, logistik, kemudahan perdagangan, infrastruktur ICT, tenaga dan utiliti yang secara langsung akan menyokong *capital economy*. Usaha MIDA juga disalurkan kepada pelaburan dalam aktiviti pengetahuan intensif yang akan mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan meningkatkan produktiviti serta pelaburan dalam teknologi yang mapan bagi membantu mencapai objektif 'Hijau' oleh Kerajaan.

Berkat ketekunan untuk menarik pelaburan berkualiti dan berintensifkan modal, usaha tersebut telah menampakkan hasil apabila pada tahun 2016, intensiti modal bagi semua projek yang diluluskan, seperti yang diukur oleh pelaburan modal bagi setiap nisbah pekerja (CIPE), telah merekodkan nilai RM912,239.


Pada tahun 2016, di sebalik kelembapan global, Malaysia telah berjaya memperolehi kedua-dua pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) dengan jumlah gabungan sebanyak RM207.9bilion, mencerminkan pertumbuhan sebanyak 11.3 peratus (2015: RM186.7bilion). Pelaburan tersebut adalah terutamanya dalam projek-projek yang berkualiti tinggi dan menekankan betapa kukuhnya ekonomi Malaysia. Tidak kurang pentingnya, pelaburan-pelaburan tersebut menunjukkan keyakinan bahawa kedua-dua pelabur asing dan tempatan terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju.

Daripada jumlah pelaburan swasta yang diluluskan, sumbangan DDI adalah lebih besar iaitu sebanyak 71.6 peratus, khususnya dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembinaan disebabkan oleh penambahan kapasiti dalam sektor-sektor tersebut. (2015: 80.7 peratus)


Aliran masuk FDI dengan baki sebanyak 28.4 peratus (2015: 19.3 peratus) merupakan bahagian yang lebih kecil daripada jumlah pelaburan swasta, membawa bersamanya peluang-peluang pekerjaan, prospek pemindahan teknologi dan peluang pengembangan perniagaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebagai penyedia perkhidmatan sokongan atau vendor.

Pelaburan swasta sebenar atau *realised private investments* seperti yang diukur melalui Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) meningkat 6.4 peratus kepada RM211.5bilion (2015: RM198.8bilion).

NISBAH PELABURAN MODAL SETIAP PEKERJA (CIPE)



JUMLAH PELABURAN 2016



PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN


Sektor perkhidmatan merupakan tonggak utama dalam ekonomi negara dan sumbangannya telah meningkat dengan mantap sejak beberapa tahun dari segi pelaburan dan peluang pekerjaan. Sektor tersebut akan terus memainkan peranan utama dalam menggerakkan ekonomi Malaysia daripada berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi berasaskan inovasi dan kreativiti.

Pembangunan sektor perkhidmatan adalah berpandukan *Blueprint* Sektor Perkhidmatan (dilancarkan pada 2015), yang bertujuan untuk mengubah sektor tersebut menjadikannya lebih berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 6.8 peratus setahun, menyediakan 9.3 juta pekerjaan dan menyumbang 56.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2020.


Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi pusat operasi serantau atau global bagi syarikat-syarikat multinasional (MNC). Menyedari bahawa Malaysia mempunyai kelebihan daya saing ini, lebih banyak syarikat multinasional telah menerima pakai model Hub Prinsipal (PH) Malaysia yang memudahkan keputusan dibuat dan menyokong pertumbuhan trend rantaian bekalan. Pada tahun 2016, MIDA telah meluluskan 13 projek PH baru dengan pelaburan sebanyak RM13.8billion yang akan mewujudkan 1,980 pekerjaan bernilai tinggi.

Sektor perkhidmatan terus meningkat pada tahun 2016, dengan peratusan yang besar iaitu sebanyak 67.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan untuk 4,199 projek baru (2015: 57.9 peratus, 4,150 projek) dan dijangka dapat mewujudkan 88.110 peluang pekerjaan.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN 2016



SUMBER UTAMA PELABURAN ASING DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN



PELABURAN DALAM SEKTOR PEMBUATAN


Pelaburan yang diluluskan bagi sektor pembuatan berjumlah RM58.5bilion untuk 340 projek baru dan 393 projek pembesaran/kepelbagaian (2015: pelaburan RM74.7bilion, 680 jumlah projek). Pelaburan domestik menyumbang 53.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, dengan bakinya daripada pelaburan asing.

Sumbangan daripada pelabur domestik adalah penting untuk memastikan daya saing Malaysia terus berdaya saing dan bagi mempercepatkan peralihan kepada industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi.

Pelaburan bagi projek-projek baru berjumlah RM27.7bilion (47.4 peratus daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan), dengan pelabur tempatan menyumbang sebanyak RM17.4bilion (62.8 peratus) dan bakinya oleh pelabur asing.

Syarikat sedia ada menunjukkan komitmen berterusan mereka kepada pembangunan ini dengan nilai pelaburan sebanyak RM30.8bilion (52.6 peratus) daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan bagi 393 projek pembesaran/kepelbagaian. Jumlah pelaburan asing adalah sebanyak RM17.1bilion (55.5 peratus) manakala RM13.7bilion (44.5 peratus) adalah daripada pelabur tempatan.

PELABURAN UTAMA PEMBUATAN 2016



Lapan industri yang terdiri daripada keluaran petroleum dan petrokimia, elektrik dan elektronik (E & E), produk logam asas, kelengkapan pengangkutan, gas asli, pembuatan makanan, kimia dan bahan kimia, dan barangan galian bukan logam merekodkan jumlah pelaburan gabungan RM47.9bilion, mewakili 81.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Subsektor petroleum dan petrokimia merupakan pelaburan terbesar sebanyak RM15.9bilion. Produk getah yang merupakan eksport utama telah merekodkan sejumlah RM1.3bilion DDI untuk projek pembesaran.

Antara pelaburan asing dalam projek pembesaran/kepelbagaian, jumlah terbesar sebanyak RM7.9bilion telah dikenal pasti untuk sub-sektor elektrik dan elektronik (E & E) yang disumbang oleh projek pembesaran bernilai RM2bilion untuk menghasilkan perkakasan rumah, lampu LED dan pendering tangan komersial.


Republik Rakyat China (RRC) merupakan pelabur terbesar sektor pembuatan dengan sumbangan sebanyak RM4.8bilion, diikuti oleh Belanda dengan pelaburan sebanyak RM3.2bilion, Jerman (RM2.6bilion), United Kingdom (UK) (RM2.6bilion), Republik Korea (RM2.2bilion) dan Singapura (RM2.1bilion). Keenam-enam negara tersebut telah menyumbang sebanyak 63.9 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2016.

Projek penting dari RRC termasuklah keluli, barangan galian bukan logam dan industri solar. Pelaburan dari Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea termasuk projek kimia dan petrokimia yang bernilai tinggi serta projek-projek untuk menghasilkan produk elektronik yang maju.

Sebanyak 513 projek atau 70 peratus daripada projek yang diluluskan terletak di tiga negeri iaitu Selangor (242 projek), Johor (165 projek) dan Pulau Pinang (105 projek). Negeri-negeri ini terus menjadi tiga lokasi pilihan utama bagi projek-projek pelaburan.

Dari segi pelaburan yang diluluskan, Johor telah menerima jumlah terbesar sebanyak RM26.4bilion diikuti oleh Selangor (RM7.9bilion), Sarawak (RM4.6bilion), Pulau Pinang (RM4.3bilion) dan Perak (RM4bilion).

PELUANG PEKERJAAN BAGI PROJEK YANG DILULUSKAN 2016



PELUANG MENGIKUT SEKTOR



64,120
JUMLAH PELUANG PEKERJAAN

PELABURAN DALAM SEKTOR UTAMA

Sektor utama terdiri daripada sektor pertanian, perlombongan serta perladangan dan subsektor komoditi. Sektor ini telah menyumbang sebanyak RM69.4juta daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015, separuh daripadanya berasal dari FDI. Subsektor perlombongan merupakan penerima pelaburan terbesar dengan pelaburan yang diluluskan mencecah RM2.8bilion untuk 26 projek. Subsektor perladangan dan komoditi pula telah memperolehi RM712.2juta manakala subsektor pertanian pula sebanyak RM261.2juta.

PELABURAN LANGSUNG KE LUAR NEGARA (DIA)


Ketika Malaysia bergerak ke arah status negara maju, FDI bukan satu-satunya pelaburan swasta yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun Malaysia terus menggalakkan dan menarik FDI ke negara ini, pada yang sama juga, Kerajaan sedang memudahkan inisiatif swasta untuk meneroka ke luar negara. Untuk itu, Malaysia telah terus berusaha melaksanakan dan mengukuhkan kerjasama ekonomi di seluruh dunia melalui pelbagai

saluran termasuk rundingan Perjanjian Pelaburan Antarabangsa seperti Perjanjian Jaminan Pelaburan di peringkat dua hala dan Perjanjian Perdagangan Bebas di peringkat dua hala dan serantau. Inisiatif ini bukan sahaja bagi menarik pelaburan strategik ke dalam negara tetapi juga meningkatkan peluang pelaburan Malaysia di luar negara.

Pelaburan langsung di luar negara oleh syarikat Malaysia telah meningkat, dengan pelaburan dalam hampir semua sektor ekonomi di lebih daripada 100 buah negara. Pada tahun-tahun awal, pelaburan dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terutamanya dalam sektor minyak dan gas, dan pertanian. Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun kebelakangan ini, syarikat-syarikat swasta telah menjadi pelabur luar negara yang aktif. Pelaburan ini telah didorong oleh pelbagai faktor termasuk yang berikut:

- Menjamin akses pasaran;
- Mendapat akses kepada bahan-bahan mentah;
- Aset Strategik, jenama dan teknologi; dan
- Operasi tidak berpusat untuk mempelbagaikan risiko dan meningkatkan pulangan.

PELABURAN LANGSUNG KE LUAR NEGARA (DIA), PADA SUKU KE-4 2016



(Sumber: Jabatan Perangkaan Negara)

Kemunculan ekonomi baru kos rendah juga telah memberikan pilihan bagi syarikat yang mempunyai pergantungan buruh yang tinggi terutamanya di sektor pembuatan untuk menyusun semula dan mensasarkan semula operasi pada skala global untuk kekal berdaya saing.

Syarikat-syarikat Malaysia telah semakin meningkat naik menjadi pelabur global yang berjaya. Menurut statistik daripada Bank Negara Malaysia, terdapat 750 syarikat Malaysia yang aktif yang melabur di luar negara. Bagi suku keempat 2016, saham pelaburan Malaysia di luar negara dicatatkan pada RM569.4bilion, melebihi nilai RM545.6bilion stok FDI ke Malaysia.

Di samping itu, selama bertahun-tahun, skop DIA Malaysia telah diperluaskan. Pada mulanya, DIA tertumpu kepada industri pengeluaran minyak dan gas dan penanaman ladang kelapa sawit. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, DIA telah diperluaskan lagi ke sektor lain termasuk telekomunikasi, perbankan dan kewangan, infrastruktur dan pembangunan hartanah, pembuatan, penjaan kuasa dan industri berkaitan runcit.

Pada suku keempat 2016, DIA dijana terutamanya oleh aktiviti takaful kewangan dan insurans / (33.9 peratus), diikuti oleh sektor perlombongan (23.9 peratus), pertanian, perhutanan dan perikanan (8 peratus), serta sektor maklumat dan komunikasi (7.8 peratus).

Dari segi taburan geografi pelaburan luar negara, pada suku yang sama, sebahagian besar DIA telah tertumpu

ke Asia Tenggara (RM175.3bilion atau 30.8 peratus daripada jumlah kumulatif DIA Malaysia di luar negara), Eropah (RM95.8bilion atau 16.8 peratus) serta Selatan dan Tengah Amerika (RM79.8bilion atau 14 peratus).

Destinasi utama DIA dari Malaysia adalah Singapura (16 peratus), Indonesia (10 peratus), Perancis (9 peratus), Australia (5 peratus), India (3 peratus) dan Thailand (2 peratus).

TRANSFORMASI INDUSTRI BERASAKAN BURUH YANG TINGGI

Dalam usaha Malaysia untuk bergerak ke arah negara berpendapatan tinggi yang maju dengan tahap kesejahteraan rakyat yang semakin meningkat menjelang 2020, pergantungan serius kepada pekerja asing tidak mahir atau kurang mahir dalam industri pembuatan tertentu pastinya menghalang industri-industri ini daripada terus meningkat dalam rantaian nilai.

Dalam usaha berterusan untuk memudahkan pertumbuhan dalam industri berintensifkan buruh, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan insentif baru bagi menggalakkan para pengilang, terutamanya dalam industri berintensifkan buruh, untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang berinovatif dan produktif serta mengamalkan automasi dalam industri masing-masing.

Elaun Modal Automasi (*Automation CA*) yang diperkenalkan dalam Bajet 2015, telah memperuntukkan elaun tambahan untuk diberikan kepada pengeluar yang melabur dalam automasi. Langkah strategik oleh Kerajaan ini dijangka dapat menjadi

pemacu utama dalam menggalakkan inovasi, penggunaan automasi yang pantas dalam industri berintensifkan buruh dan seterusnya menerajui inisiatif automasi baru dalam sektor pembuatan. *Automation CA* juga adalah selaras dengan matlamat di dalam RMK11, iaitu untuk menggalakkan automasi dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir dalam industri berintensifkan buruh.

Automation CA telah seterusnya membolehkan Malaysia bersaing dengan hab pembuatan yang lain di rantau ini dan di peringkat global yang telah turut sama menerima pakai inisiatif tersebut seperti negara RRC, Republik Korea dan Amerika Syarikat.

Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan menjadi badan pentadbir bagi memastikan pelaksanaan tersebut, manakala MIDA kekal sebagai badan promosi dan penilai bagi aplikasi *Automation CA*.

Sejumlah 154 program dengan komitmen kewangan sebanyak RM7.924billion (merangkumi dana Kerajaan dan swasta) telah dilaksanakan pada tahun 2016 bagi membantu 529,277 penerima.



INISIATIF AKSES PASARAN PADA TAHUN 2016

GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA (GEB)

Dilancarkan pada 2016 oleh SME Corp. Malaysia (SME Corp.) dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA), MATRADE dan Exim Bank, GEB merupakan program Bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (11MP). Ia adalah sumber baru dalam bantuan kewangan kepada PKS bagi membolehkannya berada dalam kedudukan yang mantap untuk merebut pelbagai peluang yang ditawarkan oleh komuniti ekonomi ASEAN (AEC). GEB mempunyai dua objektif. Objektif pertama adalah untuk meningkatkan bilangan mereka yang berkelayakan dan PKS Bumiputera yang berprestasi tinggi dengan potensi pasaran eksport. Objektif kedua adalah untuk mencipta rangkaian hubungan dan rantaian bekalan di kalangan PKS Bumiputera.

- Sejumlah 51 permohonan telah diterima pada 2016, di mana tujuh permohonan berjumlah RM5.3juta telah diluluskan. Lima kelulusan berjumlah RM1.1juta merupakan bagi geran padanan sementara dua lagi adalah untuk pinjaman mudah berjumlah RM4.3juta.

SMIDEX 2016 (17-19 Mei) - Pameran Tahunan PKS

ke-18 Acara ini mencatatkan potensi jualan tertinggi sejak penubuhannya pada tahun 1997. Melalui Sesi Pamadanan Perniagaan, sejumlah 113 PKS telah meneroka peluang-peluang perniagaan dengan 40 buah syarikat-syarikat yang terdiri daripada syarikat multinasional, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat besar dalam sektor seperti elektrik dan elektronik (E & E), makanan dan minuman (F & B), bahan kimia, petrokimia dan kejuruteraan.

- Sejumlah RM528.8juta potensi jualan telah dijana dan sejumlah 292 Sesi Pamadanan Perniagaan telah berjaya dijalankan. Acara tersebut telah berjaya menarik seramai 10,640 pengunjung.

PROGRAM RANGKAIAN PERNIAGAAN (BLing)

BLing diwujudkan bertujuan memudahkan hubungan antara PKS dengan syarikat-syarikat besar, syarikat multinasional dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memudahkan peluang-peluang pertumbuhan secara menegak. Ini dicapai melalui Sesi Pamadanan Perniagaan yang dilaksanakan setiap tahun sepanjang SMIDEX dan lain-lain platform.

- Sejumlah RM714.7juta potensi jualan telah dijana dan 786 hubungan atau penyatuan direkod melalui 481 Sesi Pamadanan Perniagaan yang melibatkan 443 PKS.

NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND


Suatu usaha sama antara SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan SME Corp, penanda nasional atau "*national mark*" merupakan satu program pensijilan yang ketat dengan standard kualiti tertinggi bagi mewakili yang terbaik daripada produk dan perkhidmatan negara.

- Sejumlah 130 buah syarikat telah diiktiraf dengan tanda tersebut sejak penubuhannya pada tahun 2009, termasuk 10 buah syarikat yang menerimanya pada 2016.

BRANDING AND PACKAGING MOBILE GALLERY (BRAND TRANSFORMER)

Oleh kerana penjenamaan dan pembungkusan adalah amat penting kepada kejayaan sesuatu produk atau perkhidmatan, maka pada tahun 2016, *Brand Transformer* (Pengubah Jenama) telah meneruskan misinya untuk memberi latihan kepada PKS luar bandar dalam dua aspek tersebut. *Brand Transformer* telah ke tiga lokasi, iaitu Kangar di Perlis (Minggu PKS 2016), Jeli di Kelantan (Ekspo Keusahawanan Jeli) dan Seremban, Negeri Sembilan (Karnival Usahawan Wanita 2016). Dilancarkan pada tahun 2012, *Brand Transformer* dilengkapi dengan paparan interaktif, mesra pengguna serta sampel pembungkusan dan bahan yang berinovatif.

- Seramai 688 orang peserta telah mendapat manfaat daripada pendedahan kepada Pengubah Jenama pada tahun 2016.



HALAL

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah menganjurkan satu forum mengenai 'Bumiputera dan Industri Halal' di MITI pada Februari 2016. Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, telah menyampaikan Ucaptama kepada lebih daripada 1,200 peserta yang terdiri daripada usahawan-usahawan Bumiputera dan wakil-wakil dari agensi pelaksana.

MENCEBURI PASARAN ANTARABANGSA

MATRADE telah melatih PKS di bawah Program Pembangunan Bumiputera, Wanita dan Pengeksport Belia (BWYEDP) dengan membantu mereka untuk menceburi pasaran antarabangsa. PKS telah dibimbing mengikut jenis perniagaan, diberi latihan peningkatan kemahiran, pendedahan kepada perniagaan antarabangsa, rangkaian dan mentor serta kepimpinan dan pembangunan kualiti keusahawanan bagi tujuan membina kapasiti eksport.

- Pada tahun 2016, PKS di bawah program BWYEDP telah menyertai beberapa pameran perdagangan antarabangsa yang ikonik dan Misi Lonjakan Eksport (EAM) termasuk Gulfood Dubai 2016, Makmal Arab 2016, Foodex China 2016, Kesihatan Arab 2016, EAM bagi produk minyak dan gas ke Brunei dan EAM bersempena Ecobuild 2016 di London.

INISIATIF-INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI

PROGRAM LONJAKAN PERNIAGAAN (BAP)

BAP menyokong pelbagai inisiatif untuk membantu PKS membina kapasiti bagi mengembangkan perniagaan mereka di dalam maupun ke luar negara. Program ini menyediakan khidmat nasihat perniagaan dan bantuan kewangan dalam bentuk geran dan skim pinjaman mudah.

Pada tahun 2016, sejumlah 534 PKS telah mendapat bantuan kewangan BAP berjumlah RM60.28 juta, dimana, sejumlah 427 aplikasi telah menerima geran sepadan berjumlah sebanyak RM20.47million. Mengenai geran sepadan, kelulusan terbesar adalah untuk peningkatan keupayaan pengeluaran dengan 68 peratus daripada permohonan tersebut diluluskan. Ini adalah satu petunjuk penting bahawa PKS telah menyedari tentang keperluan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja kurang mahir.

SME Corp memberi pinjaman mudah di bawah BAP dengan kerjasama SME Bank dan Bank Rakyat. Pembiayaan boleh digunakan untuk membiayai modal kerja dan pembelian aset tetap yang boleh

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT WANITA & BELIA MATRADE BUMIPUTERA (BWYEDP) 2016

20 PKS Bumiputera menyertai **36** program promosi eksport dan EAM *

21 PKS milik wanita mengambil bahagian dalam **38** program promosi eksport dan EAM *

7 PKS milik belia mengambil bahagian dalam **11** aktiviti promosi eksport dan EAM *

* Misi Lonjakan Eksport (EAM)


Sektor perniagaan PKS yang mengambil bahagian

- Makanan & Minuman
- Cara hidup
- ICT dan Elektrik & Elektronik
- Minyak & Gas
- Kimia & Produk Kimia
- Automotif
- Bahan Pembinaan
- Perkhidmatan Perniagaan / Perundingan
- Peralatan Perubatan & Produk Kesihatan
- Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO)
- Jentera, perkakas & Parts
- Produk Farmaseutikal



PROJEK DILULUSKAN BAGI GERAN DI BAWAH BAP
(31 DISEMBER 2016)

Program Lonjakan Perniagaan (BAP)



menyumbang kepada pembangunan perniagaan. Pada tahun 2016, jumlah yang diluluskan untuk pinjaman mudah adalah sebanyak RM39.81 juta, dengan 78 peratus digunakan bagi pembiayaan modal kerja dan bakinya untuk pembelian aset tetap. SME Bank telah memperuntukkan sejumlah RM38.65 juta untuk 83 permohonan manakala Bank Rakyat pula sebanyak RM1.16 juta bagi 24 permohonan.

PROGRAM-PROGRAM MENTOR PKS

Sejak tahun 2010, seramai 452 orang peserta daripada 320 PKS telah mendapat manfaat daripada kerjasama strategik di antara SME Corp, Nestlé Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Menerusi program ini, Nestlé telah berkongsi pengalaman yang luas serta amalan terbaik dan dengan usahawan PKS dan sekali gus membantu meningkatkan pengetahuan dan keupayaan PKS di dalam industri halal bagi makanan dan minuman.

Pada tahun 2016, program ini telah diadakan di lima lokasi, iaitu Shah Alam (Selangor), Seberang Jaya (Penang), Kuantan (Pahang), Kuching (Sarawak) dan Kuala Lumpur yang telah menarik seramai 110 orang peserta daripada 77 PKS.

PROGRAM PANEL PENASIHAT PAKAR PKS (SEAP)

Panel Penasihat SEAP terdiri daripada pakar-pakar yang telah bersara daripada pelbagai industri dan agensi kerajaan. Mereka dilantik untuk memberikan perkhidmatan teknikal

dan nasihat bagi membantu PKS dalam meningkatkan operasi dan amalan perniagaan terbaik. Pada penghujung tahun 2016, SEAP telah melantik 68 orang pakar industri dari pelbagai bidang kepakaran.

- Sejak Penubuhan SEAP pada tahun 2005, sejumlah 123 PKS telah mendapat manfaat daripada perkara berkaitan teknologi, Serta pengalaman dan pengetahuan industri daripada pakar-pakar SEAP, sekaligus memberikan hasil yang positif dalam operasi perniagaan masing-masing.

BUDAYA BERKUALITI BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR (VDP)


VDP yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengamalkan usaha Lean/penstrukturan berkualiti bagi syarikat, bertujuan untuk mewujudkan lebih nilai kepada pelanggan dengan sumber-sumber yang terhad. Peserta dikehendaki untuk memastikan kesinambungan dan kemampunan *Lean* inisiatif selepas tamat projek.

Sistem *Lean* dan Program Khas Sektor Awam merangkumi Bengkel *Lean* Secara Praktikal dan misi pembelajaran antarabangsa *Lean* yang direka untuk mendedahkan pengamal *Lean* kepada amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi yang cemerlang. *Creanova Lean* adalah sesi amalan perkongsian terbaik bagi organisasi yang terpilih serta 15 projek pengurusan *Lean* telah dikongsi bersama semasa sesi ini.

Budaya *Lean* VDP telah berjaya dengan bermulanya projek pengurusan *Lean* oleh 74 organisasi termasuk 20 vendor di bawah Program Pembangunan Sistem oleh MPC pada tahun 2016. Program Pengurusan *Lean* pada tahun 2016 oleh 16 vendor telah menghasilkan jumlah penjimatan kos sebanyak RM4.888 juta, Penjimatan Jumlah Masa sebanyak 2560 jam dan Pengurangan Langkah-Langkah/Proses mencatatkan 197 langkah. Sejumlah 39 vendor telah mengikuti VDP di antara pertengahan tahun 2014 (apabila program ini bermula) sehingga akhir tahun 2016 manakala 14 vendor lagi dijangka akan mengambil bahagian pada tahun 2017.

PROGRAM TRANSFORMASI PERNIAGAAN HALAL (HBT)

Lebih 500 syarikat telah mengambil bahagian dalam Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) pada tahun 2016.



DEEP

Dealers Entrepreneurship Enhancement Programme (DEEP) bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keupayaan peniaga automotif sedia ada. Pencapaian program:

TAHUN	JUMLAH PENIAGA
2015	12
2016	20

ASEP

ia bertujuan pembekal automotif tempatan ke tahap bertaraf dunia yang berdaya saing dan berkemampuan. Langkah ini membandingkan prestasi 11 syarikat ASEP yang mengambil bahagian berkaitan kecekapan dan amalan terbaik global. Pencapaian program:

Jumlah peserta	345
Pengurangan masa memasang acuan	57.7 peratus
Pengurangan saiz lot	87.2 peratus
Pengurangan kos	10 peratus
Peningkatan kualiti	20 peratus

AUTOMOTIF

Program-program yang dilaksanakan oleh Institut Automotif Malaysia (MAI) disusun bagi membantu PKS automotif dalam membangunkan suatu perniagaan yang mampan dan kekal berdaya saing dalam jangka masa panjang.

BWTP


Bumiputera Workshop Transformation Program (BWTP) bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pemilik bengkel dan usahawan dalam usaha perniagaan mereka. Ini akan mewujudkan penyelenggaraan dan pembaikan automotif sektor perkhidmatan yang lebih tersusun, moden dan membawa kepada peningkatan penyertaan Bumiputera dalam industri. Pencapaian program:

TAHUN	JUMLAH BENGKEL
2014	157
2015	252
2016	1000

LPS

Lean Production System (LPS) dijalankan dengan kerjasama Proton dan Perodua. Ia melibatkan Pakar kejurulatihan pembekal automotif LPS MAI, memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dalam operasi pembuatan vendor. Peserta LPS melalui dua peringkat utama: tiga bulan latihan dan enam bulan pemantauan. pencapaian program:

Jumlah peserta	141
Mengoptimumkan ruang	53.4 peratus
WIP	69.8 peratus
Downtime	70 peratus
Keupayaan	77 peratus



KEJAYAAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN PKS

AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

Dua institusi kewangan di bawah MITI iaitu MIDF dan Bank SME menawarkan bantuan kewangan kepada PKS yang layak

Lima Sektor teratas menerima Bantuan Pembiayaan MIDF pada 2016



* Status pada 31 Disember 2016.



MALAYSIAN INDUSTRIAL DEVELOPMENT FINANCE (MIDF)

Sejak penubuhannya pada tahun 1960, MIDF telah memperuntukkan pinjaman sejumlah RM13.5billion kepada 10,422 buah syarikat. Pada tahun 2016 sahaja, MIDF telah membantu sejumlah 241 buah syarikat dengan kelulusan pinjaman berjumlah RM550.63juta.

Program bantuan kewangan MIDF bertujuan mewujudkan atau mengembangkan perniagaan yang terlibat dalam pengambilalihan aset-aset tetap dan peruntukan modal kerja. Fokusnya adalah pada pembangunan perniagaan, inovasi dan peningkatan bagi mencapai tahap modenisasi dan automasi yang lebih baik. Program MIDF juga bertujuan meningkatkan daya saing syarikat tempatan di samping kejayaan mencapai status Industri 4.0



Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan (SLSAM)

- Membantu pengeluar tempatan untuk mengautomasi dan memodenkan proses pengeluaran
- Kadar keuntungan tetap serendah 4 peratus setahun
- Sehingga 100 peratus pembiayaan

Skim Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil & Sederhana (SLSME)

- Menggalakkan pembangunan dan pengembangan perniagaan PKS Malaysia
- Kadar keuntungan tetap serendah 4 peratus setahun
- Sehingga 100 peratus pembiayaan

SKIM PINJAMAN MUDAH 2016

Skim Pinjaman Mudah Sektor Perkhidmatan (SLSSS)

- Membantu syarikat dan perusahaan dalam sektor perkhidmatan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan penghantaran
- Kadar keuntungan tetap serendah 4 peratus setahun
- Sehingga 100 peratus pembiayaan

Skim Pinjaman Mudah Perkhidmatan Eksport (SLSSE)

- Membantu Penyedia Perkhidmatan Malaysia (MSPs) mengembang dan meneroka ke pasaran antarabangsa
- Kadar keuntungan tetap serendah 2 peratus setahun
- Sehingga 90 peratus pembiayaan

Skim Pinjaman Mudah Usahawan Automotif Bumiputera (SLBAE)

- Untuk memudahkan dan membantu pemegang Permit Import Bumiputera Terbuka (AP) berkembang ke dalam perniagaan berkaitan automotif dan perniagaan lain.
- Kadar keuntungan tetap sebanyak 3.5 peratus setahun
- Sehingga 100 peratus pembiayaan



Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk lebih melabur dalam aktiviti pembuatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi melalui program-program bantuan kewangan MIDF. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi inovasi dan membolehkan syarikat-syarikat tempatan mengekalkan keberkesanan kos dalam pengeluaran dan perkhidmatan penghantaran.

Misi SME Bank adalah untuk membentuk dan melatih PKS dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara seperti mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan. PKS, sebagai balasannya, dijangka menyumbang 41 peratus kepada KDNK negara menjelang tahun 2020.

Program pembiayaan SME Bank pada tahun 2016 direka untuk meningkatkan dan memperkukuhkan PKS untuk terus meningkat dalam rantai nilai. Pada tahun tersebut, SME Bank telah meluluskan sejumlah RM2.9billion kepada 1,376 pelanggan PKS.

Sepanjang tempoh dari tahun 2013 apabila program intervensi bank telah diperkenalkan sehingga penghujung tahun 2016, lebih daripada 1,080 pelanggan bank telah beroleh kejayaan. Kejayaan pelanggan ini juga telah meningkat secara ketara, daripada 111 peratus pada tahun 2015 kepada 165 peratus pada tahun 2016 berbanding sasaran bagi kedua-dua tahun tersebut. Ini adalah satu pencapaian yang penting di mana PKS yang dapat mengekalkan bantuan perniagaan bagi memastikan syarikat kekal berjaya kepada pihak bank. Kejayaan ini diukur berdasarkan dua petunjuk iaitu penambahan pasaran dari tempatan kepada eksport dan peningkatan dalam Penarafan Peningkatan Daya Saing PKS (SCORE) atau Penilaian Risiko.



Skim Pembiayaan TERAS

- 1014 syarikat telah berdaftar dengan TERAS dan 175 daripada mereka telah mendapat pembiayaan daripada SME Bank berjumlah RM843.07juta.



Kemudahan Pembiayaan EquiBumi

Sejumlah RM300juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan Negara 2014 untuk membantu syarikat Bumiputera yang berwibawa (Pemeroleh) untuk mengambil alih syarikat tersenarai atau syarikat-syarikat yang berpotensi untuk disenaraikan di *Bursa Malaysia Securities Berhad* (Sasaran Syarikat).

- Tujuh syarikat telah menerima kelulusan dengan jumlah pembiayaan RM24 juta.*



Program Pembiayaan Pembangunan Rizab Melayu (MRDF)

Dimulakan oleh Kerajaan di bawah Belanjawan Negara 2014 untuk pembangunan Tanah Rizab Melayu di kawasan strategik di Kuala Lumpur, MRDF mempunyai peruntukan sebanyak RM200juta.

- SME Bank telah meluluskan jumlah pembiayaan RM57.3juta untuk 3 pemohon PKS.*



Pembiayaan Perniagaan Atas Talian (OBF)

Mula diperkenalkan pada bulan Julai 2015 untuk menyediakan graduan muda dengan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri, OBF adalah inisiatif unik bagi membantu usahawan mewujudkan ruang perniagaan atas talian yang berdaya maju.

- SME Bank telah meluluskan pembiayaan RM5juta yang memberi manfaat kepada 39 usahawan Bumiputera.



Program Premis Usahawan

PKS yang mengambil bahagian boleh mendapatkan bantuan kewangan, khidmat nasihat dan ruang kilang untuk disewa pada kadar yang kompetitif.

- SME Bank mempunyai 454 lot kilang yang terletak di 26 Kompleks untuk Enterprise Premis di seluruh negara dengan 90 peratus kadar penghunian.



TREND DAN CABARAN PKS

DUNIA TANPA SEMPADAN (eDAGANG DAN PERUNCITAN ATAS TALIAN)

eDagang merubah landskap perniagaan global pada kelajuan yang sangat cepat. Untuk berjaya, usahawan eDagang perlu menerima perubahan dan menguasai teknik-teknik perniagaan baru serta peraturan-peraturan perdagangan antarabangsa jika mereka ingin menjalankan perniagaan merentasi sempadan.

Penggunaan eDagang telah sebahagian besarnya terhad kepada syarikat-syarikat besar di negara-negara maju walaupun eDagang menawarkan pelbagai keistimewaan seperti peningkatan penglibatan dalam rantaian nilai global (GVCs), meningkatkan akses pasaran serta peningkatan dalaman syarikat serta kecekapan pasaran melalui kos urus niaga yang lebih rendah. Hal ini juga berlaku melalui penggunaan ePembayaran dan penghantaran secara tunai. Halangan untuk eDagang adalah bersifat ekonomi seperti kekurangan Infrastruktur ICT serta penggunaannya, bekalan kuasa tidak boleh dipercayai serta mahal, penggunaan kad kredit yang terhad, kekurangan kuasa membeli dan sistem kewangan yang mundur.

eDagang di Malaysia dijangka akan berkembang sebanyak 11 peratus daripada CAGR. Walau bagaimanapun, eDagang kini di tahap boleh ubah di mana intervensi yang difokuskan dapat mengandakan pertumbuhan dan meningkatkan sumbangannya kepada KDNK bagi melepasi takat RM170bilion menjelang tahun 2020.

Majlis eDagang Kebangsaan (NeCC) telah dipertanggungjawabkan dengan Hala Tuju Strategik yang terdiri daripada enam teras bagi menjadikan perniagaan sedia ada 'kalis masa hadapan' di samping melonjakkan eDagang:

- Mempercepatkan penggunaan eDagang oleh PKS ;
- Peningkatan penggunaan ePerolehan oleh syarikat;
- Mengalih sekatan bukan-tarif (iaitu domestik *eFulfillment*)
- eDagang merentas sempadan, ePembayaran dan perlindungan pengguna);
- Menyelaraskan semula insentif ekonomi sedia ada;
- Membuat pelaburan strategik kepada syarikat eDagang terpilih; dan
- menggalakkan jenama negara bagi meningkatkan eDagang yang merentasi sempadan.

SME Corp telah ditugaskan untuk menerajui Teras 1 daripada Pelan Hala Tuju dengan melaksanakan program seperti berikut:

- Mendaftar pengguna melalui Satu Portal Pusat Sehenti Perniagaan (www.eCommerceAcademy.my)
- Melatih PKS melalui Satu Portal Pusat Sehenti Perniagaan (www.eCommerceAcademy.my)
- Melatih PKS dengan mengadakan bengkel dan program bersama agensi, rakan kongsi eDagang dan Persatuan
- Mengendali bengkel-bengkel dan program tentang penggunaan eDagang bersama agensi-agensi, rakan kongsi eDagang dan Persatuan.

PERJANJIAN PERDAGANGAN (FTAS), PERSETUJUAN SERANTAU (AEC, RCEP) DAN LIBERALISASI (PERKHIDMATAN)

Adalah penting bagi Malaysia sebagai negara perdagangan dengan pasaran tempatan yang kecil, untuk terus mengamalkan perdagangan dan rejim pelaburan yang terbuka bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta menggalakkan pembangunan teknologi dan inovasi. Selain itu, peningkatan pengantarabangsa melalui perdagangan dan penyertaan dalam rantaian nilai global (GVCs) merupakan peluang bagi PKS untuk mencapai keberkesanan kos pengeluaran, meluaskan pasaran serta meningkatkan produktiviti.

Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) menawarkan akses kepada pasaran yang lebih baik untuk barangan dan perkhidmatan Malaysia serta PKS digalakkan untuk memanfaatkan FTAs bagi mengambil kesempatan daripada peluang-peluang untuk menembusi pasaran eksport. Walau bagaimanapun, PKS terlebih dahulu perlulah mendapat pelbagai akses kepada keseluruhan maklumat. Bergandingan dengan FTAs, penggunaan platform eDagang akan memudahkan akses pasaran dengan lebih cepat dan luas.

CABARAN PENGGUNAAN FTA OLEH PKS

Halangan terhadap maklumat

Menurut Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan SME 2016-2025 (SAP-SMED 2025), syarikat-syarikat ASEAN mempunyai maklumat yang terhad bagi menembusi pasaran, dan juga kurang sedar mengenai isu-isu yang berkaitan dengan piawaian antarabangsa serta keperluannya. Kekurangan pengetahuan teknikal menghalang syarikat-syarikat ini daripada mengambil bahagian dalam GVCs yang menyebabkan sumbangan PKS kepada eksport kekal kecil.

Halangan teknikal kepada perdagangan

Bagi PKS, halangan utama dalam menyatukan pasaran adalah halangan teknikal perdagangan. Masa dan kos bagi perdagangan merentasi sempadan boleh menjejaskan keupayaan PKS untuk menceburi pasaran antarabangsa. Malaysia menduduki tangga ketiga selepas Singapura dan Thailand dan memerlukan 58 jam bagi memastikan pematuhan sempadan dan dokumentasi serta kos mengeksport satu kontena sebanyak USD366.

Kesan saiz

Kajian telah mendapati bahawa saiz perniagaan sangat mempengaruhi penglibatan sesebuah perniagaan di dalam GVCs dan FTAs yang digunakan. Kos merupakan faktor kritikal dalam menimbang penyertaan GVC atau penggunaan FTA dalam mempelajari dan memahami peruntukan FTA, menyesuaikan pelan perniagaan mengikut jadual tarif yang kompleks bagi mendapatkan sijil-sijil tempas. Terdapat juga kos permulaan yang tetap bagi memasuki rantai nilai dan mengekalkannya. Syarikat yang besar dengan keberkesannya dan sumber yang besar sudah tentunya mempunyai kelebihan berbanding PKS dalam mendapatkan faedah-faedah FTA dan GVCs.

Pelaburan dalam teknologi untuk meningkatkan produktiviti

PKS yang melabur dalam teknologi dan mempunyai produktiviti buruh yang tinggi adalah lebih cenderung untuk menjadi sebahagian daripada GVC ini. Selain daripada saiz, keupayaan teknologi syarikat, seperti yang dapat dilihat melalui pemilikan lesen teknologi asing serta jualan hasil daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D), adalah didapati positif dan ketara dengan penyertaan PKS dalam perdagangan GVC. Produktiviti pekerja-pekerja SME, seperti yang diukur oleh jumlah jualan seunit buruh, juga didapati positif dengan penyertaan dalam rantai nilai. Ini menunjukkan bahawa sejauh mana atau tahap sesebuah syarikat melibatkan diri secara aktif dalam meningkatkan teknologi, pengeluaran, dan pelbagai proses, secara positifnya akan mempengaruhi penglibatan syarikat di dalam GVCs.

Sumber: www.asiathways-adbi.org/2015/01/sme-internationalization-through-global-value-chains-and-free-trade-agreements-malaysian-evidence/

MEMANFAATKAN KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIKAL DALAM FTAs

Kepentingan Bab Ekonomi dan Kerjasama Teknikal (ECOTECH) dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) sering kurang digunakan maupun terlepas pandang, kerana seperti kebiasaannya, fokus FTAs adalah lebih kepada liberalisasi kepada peraturan, tarif dan pelaburan. Pada asasnya, Bab ECOTECH dianggap sebagai pengimbang, bertujuan untuk merapatkan jurang pembangunan dan membenarkan semua pihak untuk memaksimumkan bersama faedah yang diperolehi daripada FTAs. Negara-negara kurang membangun dan membangun dapat memanfaatkan peruntukan yang disediakan dalam Bab ini bagi mendapatkan pengetahuan teknikal mengenai teknologi daripada pihak-pihak atau negara-negara yang lebih maju di dalam FTA, khususnya dalam memenuhi kewajipan yang timbul hasil daripada perjanjian perdagangan tersebut, seperti program-program yang dilaksanakan di bawah ASEAN-Korea *Working Group on Economic Cooperation*:

- Bengkel ASEAN dalam penggunaan FTA bagi PKS;
- Perkongsian Awam-Swasta (PPP) Fora bagi Sektor Pertanian dan Perikanan di antara ASEAN dan Republik Korea;
- Pembinaan Kapasiti dalam Teknologi Raidasi; dan
- Latihan dalam Teknik Molekul bagi Jaminan Kualiti Beras.

Adalah penting isu-isu mengenai integrasi PKS ke dalam GVCs mendapat momentum di dalam FTAs. Selama ini, peruntukan khusus mengenai PKS telah dimasukkan ke dalam Bab ECOTECH diterajui oleh FTAs pimpinan ASEAN atau *ASEAN-led FTAs*, dengan beberapa rakan perdagangan seperti di bawah:

- *ASEAN-Korea FTA (Chapter 3: Economic Cooperation)*;
- *ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership (Article 53: Fields of Economic Cooperation)*; and
- *ASEAN-China FTA (Chapter 4: Amendment of Provisions Relating to Economic and Technical Cooperation)*.

Hakikatnya adalah pihak-pihak di dalam FTAs mengakui bahawa sebahagian besar daripada perniagaan di kebanyakan negara adalah PKS. Oleh itu, meningkatkan pengantarabangsaan PKS dan integrasi ke dalam GVCs boleh membawa kesan pengganda. Malah, RCEP menyedari kepentingan melibatkan diri terutamanya

bagi membolehkan PKS memanfaatkan perjanjian dan menghadapi cabaran-cabaran yang berbangkit daripada globalisasi dan liberalisasi perdagangan. PKS (termasuk Perusahaan Mikro) membentuk lebih daripada 90 peratus perniagaan di seluruh negara merentasi RCEP serta kepentingannya dalam pertumbuhan dalaman ekonomi setiap negara.

PELUANG BAGI PKS HASIL DARIPADA INTEGRASI YANG LEBIH MELUAS MELALUI RCEP

Tidak dapat dinafikan bahawa Perjanjian Komprehensif Ekonomi Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) mempunyai potensi untuk memberikan peluang yang banyak untuk para peniaga di rantau Asia Timur berdasarkan hakikat bahawa 16 negara RCEP merangkumi hampir separuh daripada penduduk dunia dan menyumbang 30 peratus kepada KDNK global serta meliputi lebih satu perempat daripada eksport dunia. Dari aspek struktur perolehan dan eksport, rantau RCEP ini didapati menjadi sumber/destinasi dominan bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di negara-negara peserta RCEP. Trend ini dijangka berterusan selama tiga hingga lima tahun. RCEP akan menyediakan satu rangka kerja yang bertujuan mengurangkan halangan perdagangan dan memperolehi akses pasaran yang lebih baik untuk barangan dan perkhidmatan para peniaga di rantau ini.

TREND MEGA (INDUSTRI 4.0, ANALISIS DATA BESAR)

Trend Mega seperti industri 4.0 dan Analisis Data Besar atau *Big Data Analytics* adalah pembangunan kuasa-kuasa global yang akan memberi impak yang berbeza kepada ekonomi, industri, perniagaan dan masyarakat yang berbeza-beza. Dengan kehadiran Industri 4.0, peningkatan teknologi industri digital yang baru melambangkan satu anjakan paradigma dalam merevolusikan pembuatan dan pengeluaran.

Para pengusaha yang mempraktikkan Industri 4.0 dapat meraih faedah seperti peningkatan produktiviti dan pengeluaran yang optimum bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi pada kos yang lebih rendah melalui penggunaan proses yang lebih cekap dan fleksibel, penghasilan pengeluaran yang automatik dan bersepadu serta proses logistik yang sepadan dengan sistem IT.

Bagi mengekalkan daya saing dan bergerak maju ke hadapan, PKS perlu mengadaptasi proses-proses pengeluaran mereka dengan kemajuan teknologi di samping meningkatkan kecekapan tenaga kerja.

GANGGUAN TEKNOLOGI BARU

Di samping terus memberikan fokus terhadap inovasi konvensional untuk mencipta produk baru atau kaedah baru untuk melakukan sesuatu, PKS perlu meneroka teknologi-teknologi baru. Ini menawarkan mereka kaedah-kaedah baru atau bukan tradisional dalam mencipta produk baru, pasaran baru dan cara baru menjalankan perniagaan yang akan membawa kepada peningkatan inovasi, daya saing dan produktiviti. Rakyat Malaysia sudah menggunakan produk dan perkhidmatan hasil daripada teknologi yang terkini seperti percetakan 3D dan robotik. Oleh itu, adalah penting PKS terus berinovasi, kreatif dalam menceburi model-model perniagaan yang baru dan peka kepada peluang-peluang baru sambil memanfaatkan sumber yang ada untuk kekal relevan dalam persekitaran perniagaan yang kompetitif dan pantas berubah.

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA

Pada 14 September 2013, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan penubuhan Agenda Memperkasakan Ekonomi Bumiputera (BEEA), suatu inisiatif bagi memastikan kekayaan diagihkan dan dinikmati dengan saksama oleh semua kaum. Lima strategi utama BEEA, yang juga bertujuan untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaum-kaum utama di negara ini:

- Mengukuhkan modal insan Bumiputera;
- Mengukuhkan pegangan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat;
- Mengukuhkan aset bukan kewangan Bumiputera;
- Memperkukuhkan keusahawanan Bumiputera dan Perniagaan; dan
- Memperkukuh ekosistem penyampaian perkhidmatan.

Perdana Menteri adalah pengerusi kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), yang telah ditubuhkan pada September 2013 bagi menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (BAAC). Beliau juga mengawasi dengan rapi pelaksanaan inisiatif BEEA oleh pelbagai Kementerian dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

PROGRAM UTAMA BUMIPUTERA


Program Pembangunan Vendor MITI (VDP)

VDP MITI bertujuan membangunkan PKS di Malaysia sebagai pembuat dan pembekal komponen dan perkhidmatan yang diperlukan oleh syarikat Malaysia yang besar, *MNCs* dan *GLCs* di pasaran tempatan dan global. Pada Disember 2016, VDP telah melibatkan 19 syarikat peneraju utama dan 1,440 vendor termasuk 90 syarikat vendor yang baru. Langkah seterusnya dalam meningkatkan bilangan syarikat-syarikat peneraju utama yang akan membolehkan lebih banyak PKS Bumiputera dibangunkan di bawah VDP, MITI akan terus mewujudkan kerjasama strategik dengan lebih banyak syarikat-syarikat Malaysia yang besar dan syarikat multinasional.

Semasa *GLC ExplorAce 2016* iaitu suatu kerjasama di antara MITI, Sime Darby dan MIDF, sejumlah 588 PKS dan 13 syarikat-syarikat besar telah menyertai sesi pepadanan perniagaan. Lebih daripada 2,000 pengunjung telah hadir ke acara tersebut.



PRESTASI AGENDA MEMPERKASA EKONOMI BUMIPUTERA (BEEA)




MITI - Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

SDSI atau satu daerah satu industri merupakan satu program pembangunan ekonomi yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, bertujuan untuk memperkasakan usahawan-usahawan yang mengeluarkan barangan di peringkat daerah dan memberikan mereka kelebihan daya saing untuk bersaing dalam pasaran eksport. SDSI memberi tumpuan kepada pembangunan keusahawanan dalam empat kelompok utama: makanan dan minuman (F & B), kecantikan dan kesihatan, kraftangan dan inap desa atau *homestay*. MITI merupakan peneraju bagi Jawatankuasa Kerja Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Usahawan bagi Pertunjukan SDSI.

MITI - Program Groom Big

Matlamat MITI untuk membentuk PKS supaya mereka boleh menyumbang kepada visi Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Diperkenalkan pada tahun 2006, program *Groom Big* bertujuan meningkatkan keupayaan PKS dan meningkatkan pengantarabangsaaan produk dan perkhidmatan mereka. Pada penghujung tahun 2016, seramai 1,249 usahawan dan sembilan koperasi negeri telah berjaya ditubuhkan di bawah program ini.

Kumpulan sasar *Groom Big* adalah PKS di dalam sektor pembuatan F & B yang mempunyai kemudahan pengeluaran yang sesuai dan mampu membiayai sebahagian kos modul intervensi. Disesuaikan khas untuk membantu PKS bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi pasaran, modul-modul yang disediakan merangkumi pembangunan jenama, reka bentuk pembungkusan, pensijilan, peningkatan kualiti dan pengoptimuman proses pengeluaran.



Program Transformasi Bengkel Bumiputera (BWTP)

BWTP yang dilaksanakan oleh Industri Automotif Malaysia (MAI) bertujuan meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengusaha-pengusaha bengkel Bumiputera bagi meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam industri perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan automotif.

Dalam tempoh sembilan bulan, peserta BWTP akan dilatih dalam asas-asas keusahawanan dan didedahkan kepada teknik menstabilkan perniagaan mereka melalui lima aspek utama. Teknik tersebut disampaikan melalui 'sesi intensif kejurulatihan secara individu' yang dilakukan sekali dalam sebulan. Peserta dipilih mengikut keperluan program dan keazaman mereka untuk meningkatkan daya saing dalam industri automotif.

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)

TUBE merupakan satu inisiatif Kerajaan yang telah dilancarkan pada 2014 bagi menggalakkan belia Bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan. TUBE dilaksanakan oleh SME Corp. dan mempunyai tiga matlamat:

- Memupuk semangat keusahawanan di kalangan belia;
- Mengubah paradigma golongan muda daripada menjadi pekerja kepada pemilik atau pengendali perniagaan; dan
- Mewujudkan ketahanan dan keyakinan diri di kalangan belia dalam menguruskan perniagaan mereka sendiri.

TUBE memerlukan ketahanan mental dan fizikal kerana para peserta didedahkan kepada lanskap dan cabaran dalam dunia perniagaan melalui tiga fasa:

- Fasa 1: Menguji kecekalan minda dan fizikal (Boot Camp)
- Fasa 2: Meningkatkan pengetahuan keberkesanan operasi perniagaan (Bengkel Perniagaan)
- Fasa 3: Bimbingan ke atas operasi perniagaan berkesan ('Buddy System')

Seramai 1,436 belia telah mengambil bahagian dalam TUBE daripada tahun 2014 hingga tahun 2016 dan 1,424 daripada mereka (99 peratus) telah mendaftarkan perniagaan mereka. Pada tahun 2017, SME Corp. akan memperkenalkan Mega TUBE 2017 selaras dengan pelan hala tuju transformasi negara 2050 (TN50) yang menggalakkan lebih ramai golongan belia untuk mengambil bahagian dalam bidang keusahawanan.

Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP)

BEEP bertujuan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera melalui bantuan bersepadu yang merangkumi pensijilan, pembungkusan, premis bagi usahawan belia untuk disewa, khidmat nasihat, bantuan teknikal, sokongan kewangan dan latihan. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp. dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang memberikan bantuan teknikal dan sokongan.

Sebanyak 1,612 permohonan dengan geran sepadan berjumlah RM156.32juta telah diluluskan sejak bermulanya BEEP sehingga 31 Disember 2016. Pada tahun 2016 sahaja, sejumlah RM39.7juta telah diluluskan untuk 254 PKS Bumiputera.

Selangor merekodkan kelulusan terbanyak iaitu 31 PKS Bumiputera dengan peruntukan berjumlah RM5.13juta diikuti oleh Negeri Sembilan dengan 33 PKS Bumiputera berjumlah RM4.81juta. Majoriti kelulusan adalah bagi Pembaikan Produk dan Proses, Pembungkusan Produk, Persijilan dan Sistem Pengurusan Berkualiti.

IPO Seminar 2016: Langkah-Langkah Penyenaian

Dengan matlamat menyokong agenda Kerajaan bagi membantu PKS tempatan meningkatkan modal dan profil pasaran, IPO Seminar dan Sesi Dialog pada tahun 2016 telah dianjurkan bersama oleh SME Corp, MIDF, Bursa Malaysia dan TERAJU. Peserta boleh mendapatkan penerangan untuk proses-proses Penyenaian Awam dari seminar dan melalui peluang yang unik

untuk terlibat dengan pakar-pakar berkaitan Penyenaian.

Seramai 479 pengusaha telah mengambil bahagian dalam langkah-langkah penyenaian sejak pertama diadakan pada tahun 2011, termasuk 79 peserta daripada 52 syarikat pada 2016. Di samping itu, sejumlah 21 PKS yang layak telah dipilih untuk menghadiri Klinik Penyenaian yang dikendalikan oleh Bursa Malaysia. Pada penghujung tahun 2016, 3 PKS telah berjaya melengkapkan tawaran permulaan awam (IPOs) dengan jumlah pasaran modal menghampiri RM657juta.

Program Perusahaan Tempatan ke Antarabangsa (LGC) ASCEND 800

Program *LGC ASCEND 800* telah diperkenalkan pada tahun 2014 di bawah Agenda Memperkasakan Ekonomi Bumiputera (BEEA) merupakan satu program oleh SME Corp dan Majlis Communication Melayu (MPM) yang bertujuan memperkukuhkan penyertaan PKS Bumiputera dalam perniagaan.

Sejumlah 17 PKS Bumiputera telah dikenal pasti dan terlibat secara aktif dalam latihan perniagaan sejak tahun 2014 hingga tahun 2016. Tiga PKS Bumiputera, iaitu Ideal Healthcare Sdn. Bhd., Scale Design Sdn. Bhd. dan Bina Integrated Industries Sdn. Bhd. yang telah berjaya dipadankan dengan *GLCs*, menerima pelaburan dan suntikan ekuiti yang berjumlah RM22juta daripada Tabung Haji (TH) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Kisah Kejayaan

TABUNG USAHAWAN SISWAZAH SME BANK (TABUNG USAHAWAN SISWAZAH) (TUS)

Dilancarkan pada tahun 1998 oleh SME Bank bagi menggalakkan para graduan menceburi bidang perniagaan sebagai kerjaya mereka, TUS turut menyumbang kepada pembangunan PKS tempatan. Kegigihan SME Bank dan kejayaan TUS telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila bank tersebut telah memenangi Anugerah Pembangunan Modal Insan yang dianugerahkan oleh Persatuan Pembangunan Institusi Kewangan di Asia Pasifik (ADFIAP) pada tahun 2016.

Tidak seperti pembiayaan tradisional, TUS menawarkan latihan keusahawanan bagi penerima selain daripada bantuan kewangan sedia ada. Di antara tahun 1998 hingga tahun 2016, SME Bank telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM219.63 juta bagi 1,662 projek termasuk perusahaan kecil dalam pelbagai segmen perniagaan seperti butik, salon kecantikan, produk kecantikan, pembaikan auto dan firma profesional.

Kajian impak yang dijalankan pada tahun 2014 telah mendapati bahawa TUS telah mencapai objektifnya selain daripada berjaya mendedahkan kejayaan penerima TUS (pada masa kajian) seperti berikut:

- 77 peratus telah berjaya meningkatkan jualan dan keuntungan mereka selepas memasuki program;
- 98 peratus telah menumpukan kepada pasaran tempatan;
- 2 peratus telah berjaya menembusi pasaran eksport; dan
- 16 peratus telah mengembangkan perniagaan mereka dengan membuka cawangan baru dan mempelbagaikan produk mereka.

PROGRAM SME CORP. MALAYSIA TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE) 1.0

Syarikat Euro Assyst Auto Care di Sungai Petani, Kedah, merupakan pakar dalam pembaikan kereta Eropah dan Jepun seperti Mercedes Benz, BMW dan Honda. Syarikat tersebut mempunyai lapan kakitangan dan mencatatkan jumlah kumulatif jualan melebihi RM1 juta pada tahun 2016. Pengasas dan pemilik syarikat tersebut, Encik Mohd Ridzwan bin Mohamad Halim merupakan salah seorang peserta dalam program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 1.0 pada tahun 2014. Beliau telah memulakan perniagaannya

pada 1 Mac 2014 dan memperluaskannya dengan geran permulaan sebanyak RM15, 000 di bawah Program TUBE 1.0

Encik Mohd Ridzwan telah memperolehi pengetahuan yang tidak ternilai mengenai perniagaan membaiki kereta dan pendedahan kepada industri melalui TUBE 1.0, yang telah mengajar beliau tentang nilai dan pentingnya ketepatan masa, disiplin, kerja berpasukan, pemikiran strategik serta ketahanan mental dan fizikal dalam menjalankan sesebuah syarikat. Beliau juga telah mempelajari tentang pengurusan aliran tunai, pengurusan perniagaan, pemasaran dan penjenamaan.

PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR MITI

Ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai sebuah syarikat dagang di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur, Indkom Engineering Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pengedar bagi Felten & Guoilleume Energietechnik GmbH, sebuah syarikat Jerman, bagi memasarkan peralatan jenama GA24 11kV untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 1990-an. Pada tahun 1991, syarikat telah mula membekalkan *Ring Main Unit* (RMU) kepada TNB.

Indkom kemudiannya menjadi vendor TNB melalui Program Pembangunan Vendor MITI (VDP) bagi peralatan dan pada tahun 2015, mengambil bahagian dalam Program Intervensi Inovasi Enterpris di bawah VDP-MITI yang dijalankan hasil kerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Pada tahun 2016, Indkom telah menerima Geran Penyelidikan & Pengkomersilan di bawah VDP bagi menghasilkan satu *Compact Substation Unit* untuk TNB. Sehingga kini, syarikat telah berjaya menjadi salah satu daripada rakan-rakan strategik TNB.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKSPORT MATRADE

Ideal Healthcare Sdn Bhd (IHSB), sebuah syarikat milik Bumiputera telah ditubuhkan pada tahun 1999 yang dahulunya dikenali sebagai Perubatan Mutiara, merupakan salah sebuah pembekal produk kesihatan dan produk perubatan pakai buang yang berkualiti negara. Ia telah dianugerahkan dengan anugerah berprestij seperti CE, ISO 9001: 2000 (SPK), ISO 14001: 2004 (EMS) dan ISO 13485:2003 (Sistem Pengurusan Berkualiti - Peranti Perubatan).

Kisah Kejayaan

Melalui penglibatan syarikat di dalam program-program pembangunan eksport MATRADE dan aktiviti-aktiviti promosi seperti Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), *Go-Ex*, Pameran Perdagangan Antarabangsa dan Misi Lonjakan Eksport, IHSB telah berjaya meraih jualan eksport sebanyak 25 peratus daripada jualan keseluruhan syarikat pada tahun 2016. IHSB mengeksport *urology catheters, anesthesia products, intravenous catheters, IV infusion/ transfusion therapy* dan *procedural sets* kepada pasaran seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Australia, Bangladesh, Viet Nam, Thailand, Filipina, Pakistan, New Zealand, Mauritius, Arab Saudi, Fiji, Tonga dan Papua New Guinea.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT BELIA MATRADE (YEDP)

Hadid Engineering (M) Sdn Bhd menawarkan perkhidmatan kejuruteraan berkualiti untuk industri Gas dan Minyak *Upstream* dan *Downstream* dan telah dianugerahkan pensijilan ISO 9001: 2008 dan OHSAS 18001: 2007. Ditubuhkan pada tahun 2004, syarikat telah menyertai *Go-Ex Market Immersion Mission* ke Kazakhstan pada Ogos 2016 dan telah berjaya mempromosikan servis injap mereka.

Menyertai YEDP pada tahun 2015, Hadid Engineering adalah merupakan syarikat yang berdaftar dan berlesen di bawah PETRONAS dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk Engineering Design & Project Management, Engineering Operations & Maintenances, Construction & Fabrications and Electrical & Instrumentations. Syarikatnya di luar negara pula iaitu Kazakhstan, menyediakan perkhidmatan penggerudian daratan.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT WANITA MATRADE (WEDP)

CALMS Technologies Sdn Bhd (*CALMS Technologies*), sebuah syarikat pembekal penyelesaian terkini untuk pelbagai permohonan kad pintar dan *Radio Frequency Identification* (RFID), telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan telah berada di bawah program WEDP sejak 2014.

Syarikat telah dianugerahkan dengan ISO 9001: 2008 bagi penyelesaian menyeluruh atau *total end-to-end solutions* bagi mana-mana platform kad pintar dan mempunyai pelbagai penyelesaian mudah didapati atau *off-the-shelf*

yang sesuai untuk kerajaan, peruncitan, pendidikan, perusahaan dan sektor kewangan

CALMS Technologies telah mengambil bahagian dalam mesyuarat perniagaan dengan RICOH Thailand Ltd, Pejabat MATRADE di Bangkok semasa *Specialised Marketing Mission* (SSM) untuk ICT ke Thailand pada tahun 2015 dan telah berjaya menandatangani satu MoU dengan Syarikat pada 2 Mac 2016. Kerjasama antara Calms Technologies Sdn Bhd dan RICOH Thailand adalah bernilai RM1.1juta.

Melalui *Go-Ex Market Immersion Mission* ke Jakarta Indonesia pada April 2016, syarikat telah membekalkan perkhidmatan yang meliputi Sistem Pengurusan dan Pengeluaran Kad (*CALMS-e*), Sistem Pengurusan Pelawat (*ViMS*), Sistem Penebusan Hidangan (*ePurS/eMeRS*) dan Sistem Masa Kehadiran (*TAMS*). Semasa *Go-Ex programme* ke Myanmar pada Oktober 2016, syarikat telah berjaya mewujudkan rundingan dengan Mastech Co. Ltd. bagi membekalkan *ViMS*.

AFI BRAKE MANUFACTURING SDN BHD, PEMENANG GOLDEN BULL AWARD 2011 & 2008, ENTERPRISE 50 SME AWARD 2008 DAN ANUGERAH LAIN-LAIN

Dengan pendapatan jualan sekitar RM2.5juta sebulan dan disokong oleh produk R&D, idea-idea yang inovatif, pemasaran yang bersepadu dan perkhidmatan selepas jualan yang cemerlang, AFI Brake berada di kedudukan ketiga sebagai pengusaha brek pad automotif, kasut dan pelapis atau *lining* di Malaysia. Syarikat telah menjual lebih satu juta set produk dengan 950 jenis setiap tahun ke pasaran antarabangsa (Jepun, Republik Korea, Republik Rakyat China, India, Indonesia, Thailand, Brunei, Singapura, Timur Tengah, Afrika, Eropah dan Amerika Syarikat) dan juga kepada pasaran tempatan. Operasi pengeluaran dan produk AFI Brake mematuhi standard SIRIM MS1164 dan standard Eropah E11.

Ditubuhkan di Kepong, Selangor pada tahun 1995, AFI Brake berpindah ke premis kilang sendiri di Kuala Terengganu pada tahun 1998, berbekalkan pinjaman permulaan sebanyak RM864,000 daripada MIDF. Sehingga kini, MIDF telah memberikan pinjaman sebanyak RM13.585juta untuk AFI Brek dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya bagi program-program pembangunan, menaik taraf dan automasi sesuai dengan hasrat Malaysia untuk menjadi hab global kepada komponen automotif.



Pejabat MITI di luar negara dan dalam negara, dengan kerjasama agensi MITI, telah membantu syarikat-syarikat, para industri, para pelabur, serta individu perseorangan mengenai perkara-perkara berhubung perdagangan dan industri.



SERANTA 2016

Selain dari merangka dasar perdagangan dan industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga komited untuk menyebarkan maklumat dan mengemas kini dasar-dasar baru serta sedia ada bagi rujukan industri dan juga orang awam.

PROGRAM SERANTA MITI

PERBINCANGAN KECIL BERHUBUNG FTA (FTA POCKET TALK)

Seramai 564 orang peserta dari pelbagai industri telah menghadiri satu siri Perbincangan Kecil Berhubung FTA sejumlah 14 sesi telah diadakan di Ibu Pejabat MITI dan Pejabat MITI Wilayah mengenai manfaat pelbagai FTA yang ditandatangani oleh Malaysia. Satu sesi berasingan juga telah dijalankan di PETRONAS (KLCC) di atas permintaan para pekerja mereka.

HARI MITI 2016 (17 OKTOBER)

Hari MITI yang julung-julung kali diadakan telah berlangsung di Menara MITI, yang baru di Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, Kuala Lumpur. Acara tersebut telah menarik perhatian ramai pelanggan, mereka yang berkepentingan (stakeholders) serta orang awam. Ianya merupakan satu peluang keemasan bagi MITI serta agensi untuk menghebahkan peranan dan fungsi masing-masing selain bertujuan merapatkan hubungan dengan pelbagai kumpulan sasaran. Pejabat Penyelaras eCommerce, Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Negara (NAICO), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Pusat Penyelesaian Pertikaian Sekuriti Industri (SIDREC) juga telah memainkan peranan penting pada Hari MITI tersebut.

Di pameran MITI dan agensi, pengunjung boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh MITI dan agensi-agensinya. Sejumlah lima ribu peluang pekerjaan telah diiklankan oleh 60 syarikat pembuatan dan perkhidmatan serta syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) di Hari Ekspo Pekerjaan MITI yang dianjurkan oleh MIDA. Acara ini telah berjaya memadankan majikan daripada semua sektor industri dengan pencari pekerjaan yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar yang berada di tahun akhir.

CSR di Pameran MITI bertujuan menggalakkan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) daripada MITI dan Agensi, mengetengahkan usaha mereka untuk memelihara alam sekitar. Di sesi 'Berkongsi adalah Perihatin', pegawai-pegawai berkelainan upaya (OKU) dari MITI telah menunjukkan kemahiran mereka menggunakan perisian mesra OKU 'Jaws' dan mesin Braille. Kebolehan mereka juga telah menarik perhatian ramai pengunjung yang kemudiannya menerima penanda buku buatan OKU MITI yang diperbuat daripada Braille sebagai cenderahati. Satu lagi daya tarikan adalah *booth* Henna Art, di mana ahli-ahli Persatuan Kebangsaan Orang Pekak Malaysia telah menunjukkan kreativiti mereka dalam seni tradisional.

Persembahan Motor MITI yang dianjurkan oleh Institut Automotif Malaysia (MAI) telah mendapat sambutan serta merta oleh orang ramai, terutama sekali kereta yang dipamerkan oleh lima pengeluar automotif utama iaitu Proton, Perodua, Honda, Mazda dan Kia / Hyundai. Selain itu, terdapat pertunjukkan

teknologi EEV terkini (kenderaan cekap tenaga) di mana pasukan MAI telah berpeluang untuk berkongsi dengan pelawat visi Malaysia untuk menjadi hab serantau kenderaan cekap tenaga (EEV). Pengunjung juga telah berpusing-pusu ke gerai Penjagaan Kereta, yang menawarkan khidmat rundingan kereta percuma dan penyelenggaraan kereta.

Maklumat mengenai peluang-peluang menjadi *Food Truckers*, perkhidmatan Pusat Sokongan Halal Global bagi meningkatkan visibiliti perniagaan PKS dan langkah-langkah remedi perdagangan, telah disebarkan melalui sesi Perbincangan Kecil FTA.

Di InvestSmart MITI, pelabur dan usahawan telah mempelajari tentang pembiayaan ekuiti awam (ECF), rangka kerja penajaan dana alternatif yang telah dibangunkan oleh SC yang sesuai untuk PKS dan perniagaan-perniagaan yang inovatif.

MITI Tea Talk, anjuran MATRADE dan MIDF telah memberi tumpuan kepada dua topik iaitu 'Meningkatkan Perniagaan Usahawan Malaysia di ASEAN' dan 'Potensi Eksport eDagang di ASEAN'. Ceramah tersebut menekankan tentang peluang perniagaan di rantau ASEAN dan menggalakkan penggunaan eDagang untuk eksport. Di samping itu, terdapat maklumat mengenai bantuan yang ditawarkan oleh MITI dan Agensi kepada para usahawan untuk memasuki pasaran ASEAN dan global.

Tarikan sampingan termasuk cabutan bertuah dengan hadiah-hadiah menarik seperti sebuah PERODUA Bezza dan motosikal dari MODENAS, *Food Trucks*, penampilan khas tetamu undangan serta selebriti dan pameran yang menampilkan produk PKS, industri aeroangkasa dan eDagang.

DIALOG MITI

MITI dan Kementerian serta Agensi lain yang berkaitan telah membuat susulan ke atas isu-isu yang dibangkitkan dalam Dialog seperti berikut:

- Dialog dengan Industri Automotif (23 Ogos) dengan 75 peserta dari persatuan automotif, Pengeluar Peralatan Asal (OEMs), para pemasang dan para vendor utama.
- Dialog dengan pihak yang berkepentingan dalam eDagang (30 Ogos); dan
- Dialog dengan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (22 September).

PROGRAM SERANTA MENGENAI APEC

PELANCARAN *MyAPEC YOUTH CONNECT* OLEH MENTERI MITI (18 OKTOBER)

Wakil daripada 52 syarikat multinasional terkemuka, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat Malaysia termasuk Air Asia, Astro, Axiata, Bosch, Celcom, CIMB, DIGI, IBM, Iffix, Intel, KPMG, Maybank, Maxis, Motorola Solutions, PWC dan Sime Darby yang menyertai program penempatan kerja *MyAPEC YouthConnect* hadir pada majlis pelancaran tersebut. Objektif program ini adalah untuk memupuk bakat Malaysia untuk menyesuaikan diri dengan tempat kerja yang semakin bersifat global dan memanfaatkan peluang dalam ekonomi APEC. *MyAPEC YouthConnect* merupakan penempatan kerja selama 4-12 bulan di Malaysia atau salah satu daripada ekonomi APEC. Ianya terbuka kepada belia berumur 21-30, dengan kelayakan akademik yang baik dan kemahiran diri yang berkaitan. Pada penghujung tahun 2016, sejumlah 247 belia daripada 11 ekonomi APEC (Malaysia, Brunei, Chile, Indonesia, Mexico, Korea Selatan, Filipina, Thailand, Kanada, Republik Rakyat China dan Viet Nam) telah memohon penempatan kerja.

PROGRAM SERANTA BAGI DASAR PELABURAN DAN FASILITASI PERDAGANGAN

BENGKEL FASILITASI PERDAGANGAN: MENGATASI CABARAN PERATURAN DAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKSPORT INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN KE NEGARA ASEAN (10 OKTOBER).

Seramai 90 peserta yang terdiri daripada pengawal selia dari pelbagai Kementerian dan Agensi termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kastam Diraja Malaysia dan JAKIM serta wakil-wakil daripada Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), *Freight Forwarders Associations*, Dewan-Dewan Perniagaan dan pengeluar pemprosesan makanan telah bertemu bagi membincangkan cabaran pengawalseliaan yang dihadapi oleh industri pemprosesan makanan. Para peserta telah mencadangkan strategi dan pelan tindakan untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi termasuk pelepasan kargo, standard, pensijilan dan pematuhan kawal selia dengan rakan perdagangan, peraturan pasaran, pensijilan halal dan halangan teknikal terhadap perdagangan.

PROGRAM SERANTA UNTUK DASAR SEKTORAL

ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

APEC TEL MRA UNTUK PERALATAN TELEKOMUNIKASI: FAEDAH KEPADA MALAYSIA (30 NOVEMBER)

Peserta dari Motorola, Keysight Technologies, SIRIM QAS, IoTG, EG R & D, UniMAP, CISSPR, Tauhop, Hume Resources, IQ Group, Sistem Flextronics dan Sweng Maju telah dimaklumkan mengenai pelaksanaan Fasa 1 APEC TEL MRA (*the Mutual Recognition Arrangement for Conformity Assessment of Telecommunications Equipment*) dan pelbagai faedah MRA mengenai eksport peralatan frekuensi radio keluaran tempatan ke Amerika Syarikat (AS).

Menurut peraturan baru yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan Amerika Syarikat (USFCC), makmal dan badan-bertauliah telekomunikasi di luar Amerika Syarikat haruslah diiktiraf dan ditetapkan oleh USFCC di bawah syarat-syarat MRA. Perintah ini berkuatkuasa pada tahun 2015, dengan tempoh bertenang atau *grace period* selama satu tahun sehingga 13 Julai 2016. Pada 21 Jun 2016, Amerika Syarikat telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh bertenang selama setahun lagi sehingga 13 Julai 2017 untuk memberi lebih masa kepada industri untuk menyesuaikan diri dan mengelakkan gangguan kepada pengedaran dan penjualan peralatan frekuensi radio.

Hasil daripada rundingan-rundingan tersebut adalah penting bagi memastikan peralatan telekomunikasi Malaysia dieskport tanpa gangguan ke pasaran Amerika Syarikat. Dengan MRA, Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi pusat ujian atau *testing hub* di rantau ASEAN untuk peralatan RF, selain dari Singapura dan Viet Nam.

BESI DAN KELULI

TAKLIMAT PENGIMPORAN BESI DAN KELULI MENGGUNAKAN DUTY DRAWBACK FACILITY (16 FEBRUARI)

Peserta daripada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), MIDA, Pejabat Wilayah MITI, Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia (MISIF), dan Persatuan Pengeluar Besi dan Keluli Malaysia (MSMDA) serta pengeluar/pengimport besi dan keluli telah diberi taklimat mengenai proses dan prosedur yang terlibat dalam *duty drawback facility* (dilaksanakan pada 15 April 2016) bagi

pengimportan bahan-bahan mentah untuk menghasilkan barang siap untuk dieksporth.

AEROANGKASA

MITI telah membuat lawatan untuk mengenali industri ini dengan lebih dekat melalui lawatan ke 17 syarikat aeroangkasa serta beberapa organisasi.

- *Senior Aerospace UPECA* (7 April)
- *Science & Technology Research Institute for Defence (STRIDE)* (26 April)
- *Astronautic Technology (M) Sdn Bhd* (28 April)
- *National Space Agency of Malaysia (ANGKASA)* (26 Mei)
- Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aerospace TUDM (PUSPEKA) (27 Mei)
- *Asia AeroTechnics Sdn Bhd* (1 September)
- *Smooth Route Sdn Bhd* (1 September)
- *SR Technics Malaysia Sdn Bhd* (1 September)
- *UMW Aerospace Sdn Bhd* (19 Oktober)
- *WZS Technologies Sdn Bhd* (20 Oktober)
- *Sam Engineering & Equipment (M) Bhd, Aviatron (M) Sdn Bhd, Meerkat Precision Sdn Bhd and SAM Precision (M) Sdn Bhd* (24 Oktober)
- *Aerospace Composites Malaysia (ACM)* (24 Oktober)
- *Kulim High Technology Park (KTPC)* (24 Oktober)
- *RUAG Aviation Malaysia (RUAG)* (17 November)
- *Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn Bhd* (21 November)
- *Celestica Malaysia Sdn Bhd* (21 November)
- *Coraza Sytems Sdn Bhd* (22 November)

SERANTA PROGRAM BERKAITAN ASEAN

RUNDINGAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN ATAU STAKEHOLDERS DAN PROGRAM KESEDARAN AEC

Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 31 Disember 2015 bertujuan untuk mewujudkan satu pasaran dan pengeluaran asas yang bersepadu di kalangan 10 negara-negara anggota ASEAN di Asia Tenggara. Objektif utama AEC adalah untuk mengurangkan halangan terhadap perdagangan dan pelaburan di rantau ini bagi membolehkan pergerakan tanpa gangguan ke atas barangan, perkhidmatan, dan modal. Jawatankuasa ini juga bertujuan untuk membolehkan pergerakan tenaga kerja mahir yang lebih bebas di rantau ini.



Fokus utama AEC adalah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs), yang bertindak sebagai tulang belakang ekonomi ASEAN, dan membentuk lebih daripada 95 peratus daripada jumlah perniagaan di rantau ini. Ramai ahli MSMEs yang mengambil peluang daripada pembentukan AEC untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan mengamalkan strategi serantau.

Peranan MITI sebagai Kementerian yang utama dalam agenda ekonomi di bawah Komuniti ASEAN ialah meningkatkan kesedaran tentang peluang-peluang yang wujud daripada pasaran tunggal dan tapak-tapak pengeluaran di rantau ASEAN. Dalam konteks ini, MITI dengan kerjasama pelbagai majlis-majlis perniagaan, *Chambers of Commerce*, persatuan industri, universiti dan masyarakat awam telah menjalankan 32 aktiviti hebahan untuk menggalakkan AEC pada 2016. Matlamat utama adalah untuk menggalakkan komuniti perniagaan mengambil peluang daripada AEC untuk mengembangkan perniagaan dan pelaburan mereka di rantau ini.

Menteri MITI amat komited dengan inisiatif ini dan mengambil bahagian secara aktif dalam beberapa sesi seranta (*outreach*) termasuk:

- **Hari Terbuka AEC 2016** dengan komuniti perniagaan, belia dan usahawan di Ibu Pejabat MITI, Kuala Lumpur (11 April)
- **Hari Bersama Industri** dengan komuniti perniagaan di Kuching, Sarawak (24 April)
- **Dialog 2025 AEC** dengan Kelab Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Club) dan Institut Penyelidikan ASEAN CIMB di Ibu Pejabat MITI, Kuala Lumpur (24 Mei)
- **Forum Integrasi Ekonomi ASEAN (AEIF) 2016**, yang dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Perdagangan Dunia dan University of Bern, Switzerland di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur telah dihadiri oleh para penyelidik, ahli akademik, sektor swasta serta penjawat awam (15 September).

Hari Terbuka AEC 2016 adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai peluang yang wujud bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) di bawah AEC. Sehingga hari ini, para usahawan yang berjaya telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kisah-kisah kejayaan masing-masing menjalankan perniagaan di ASEAN dengan MSMEs yang mengambil bahagian. Dua peristiwa yang lain iaitu Dialog AEC 2025 dan AEIF 2016, telah menyediakan platform kepada para penyelidik untuk berkongsi pandangan mereka mengenai bagaimana AEC akan membangun dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai AEC, Bahagian Integrasi Ekonomi ASEAN MITI dengan kerjasama MITI Wilayah Pulau Pinang, Institut Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menjalankan tiga Bengkel AEC untuk Pelaburan dan Industri pada bulan Mei, Julai dan September 2016. Wakil-wakil dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan peserta dari komuniti perniagaan, sektor sumber manusia, agensi pengambilan dan lain-lain organisasi sektor swasta di kawasan utara juga turut menghadiri Bengkel AEC tersebut.

Para pegawai dari Bahagian Integrasi Ekonomi ASEAN MITI telah dijemput untuk menjadi penceramah jempukan di pelbagai forum dan seminar seperti Karnival Usahawan Muda ASEAN pada bulan Julai 2016 di MATRADE dan Persidangan Ekonomi MCA 'Conquering the New Economic Frontiers: Empowering Youths' pada bulan Ogos 2016. Mereka juga telah ditemuramah dalam program Biz Malaysia di Radio Televisyen Malaysia (RTM 1).

Inisiatif seranta yang dilaksanakan oleh MITI ini telah membantu dalam memastikan syarikat-syarikat Malaysia terutama MSMEs dimaklumkan mengenai perkembangan terkini dalam ASEAN. Integrasi ekonomi ASEAN adalah satu usaha berterusan yang memainkan peranan yang penting dalam membawa kesatuan serantau yang mapan. Kini ia bukan lagi mengenai saiz pasaran tetapi menjadikan rantau ini cekap bersatu tanpa sempadan di mana ASEAN menjadi satu melalui peningkatan hubungan dan penghapusan sekatan. ASEAN kini bergerak ke arah persekitaran yang lebih mesra perniagaan bagi memastikan blok ini kekal sebagai satu entiti ekonomi yang berdaya saing di peringkat global.



PROGRAM SERANTA KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA DAN PKS

EKSPLO KEUSAHAWANAN MITI DAN AGENSI 2016

Ekspo keusahawanan MITI dan Agensi 2016 telah memberi peluang kepada PKS untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. MITI dan Agensi telah berjaya menghebahkan fungsi mereka selain membina rangkaian dengan para usahawan di Ekspo tersebut.

Menteri MITI telah merasmikan Ekspo Keusahawanan MITI dan Agensi 2016 Peringkat Daerah Jeli, Kelantan (26-28 Mei) di Jeli. Lebih 10,000 pelawat datang ke Ekspo tersebut yang memaparkan pameran dan jualan produk PKS tempatan, khidmat nasihat usahawan, Perbincangan Kecil FTA, *Innorace@Jeli 2016*, *Jeli Fun Ride* dan pertunjukan dikir barat.

Ekspo Keusahawanan MITI dan Agensi 2016 Peringkat Daerah Pontian, Johor (26-28 Februari) yang diadakan di Benut, Pontian telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri MITI. Ekspo tersebut memaparkan pameran dan jualan produk PKS tempatan, khidmat nasihat usahawan, *Innorace @ Pontian 2016*, kursus asas keusahawanan dan seminar kesedaran HALAL.

PROGRAM TAKLIMAT INSENTIF, GERAN, PINJAMAN DAN SAHAM DISEDIAKAN OLEH MITI DAN AGENSI BAWAH MITI KEPADA USAHAWAN PKS SELANGOR 2016 (16 JUN)

Timbalan Menteri MITI telah melancarkan program *Outreach* di Sg. Besar, Selangor bagi memperkenalkan program dan produk yang ditawarkan oleh MITI dan Agensi. Para peserta telah diberi taklimat mengenai produk-produk pembiayaan yang disediakan oleh MITI dan Agensi. Terdapat juga Perbincangan Kecil mengenai insentif kepada para usahawan.

GERAK USAHAWAN JOHOR 2016 (30 SEPTEMBER - 1 OKTOBER)

Dianjurkan oleh Perbadanan Usahawan Johor (EDC) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), acara ini memberi peluang kepada MITI untuk memberi taklimat kepada para usahawan mengenai program MITI seperti Saham Khas Bumiputera, Program Vendor, SDSI dan *GroomBig*. MITI juga menganjurkan forum mengenai pemasaran dan strategi penjenamaan untuk membantu para usahawan berhubung penjenamaan.

RANGKAIAN USAHAWAN INDIA DAN SEMINAR NASIHAT PERNIAGAAN 2016 (6 Disember)

Satu usaha sama antara MITI dan Koperasi Ekonomi India Malaysia (MIEC), acara ini memperkenalkan inisiatif dan program keusahawanan oleh MITI dan Agensi serta program-program lain yang berkaitan seperti *Ekuiti Crowdfunding* dan *Penyenaraian* oleh Bursa Malaysia. Lebih daripada 100 peniaga dan usahawan India menghadiri seminar itu. Ketua Setiausaha MITI telah merasmikan penutupan seminar tersebut.

SESI TURUN PADANG OLEH TIMBALAN MENTERI MITI.

• Lawatan Kilang

- D & Y Textile (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat di Johor, yang menghasilkan benang kain kapas berkualiti dan menerima lesen pengilang daripada MITI pada tahun 2013 (16 Ogos)
- Nashmir Capsule Sdn. Bhd. Sebuah kilang farmaseutikal dan Syarikat Kopi Hang Tuah Sdn. Bhd di Pulau Pinang (23 Ogos)
- Friz & Fry Food Industries dan Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn. Bhd. Di Selangor (25 Ogos)
- Tan Lan Holdings (M) Sdn. Bhd. Pengeluar basikal, motosikal dan komponen basikal di Perak (26 Ogos)

• Lawatan Kerja dan Sesi Dialog dengan Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) (19 September)

Objektif adalah untuk mewujudkan hubungan baik antara pegawai-pegawai MITI dan Agensi serta persatuan Bumiputera bagi mengenalpasti bantuan yang boleh diberikan kepada PERDASAMA dalam menyokong Agenda Bumiputera.

• Lawatan Kerja ke Matrix Power Sdn. Bhd. dan Daya OCI Sdn. Bhd. di Bangi, Selangor (5 Oktober)

Matrix Power Network mengendalikan projek kejuruteraan elektrik dan kuasa manakala Daya OCI menyediakan Unit Pengendalian Udara (AHU) dan Unit Rawatan Air (ATU) untuk Marine Application and Commercial Buildings. Kedua-dua syarikat vendor ini membekalkan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. melalui Program Pembangunan Vendor MITI (VDP).

- **PRM Foods Marketing Sdn Bhd. (14 Disember).**

Timbalan Menteri MITI telah melawat syarikat ini sempena lawatannya ke Majlis Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu (MSPUT). Syarikat ini telah memperoleh sijil halal melalui bimbingan daripada Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC).

PROGRAM SERANTA BERHUBUNG PEMBANGUNAN SEKTOR PERKHIDMATAN

SEMINAR EKONOMI MASYARAKAT ASEAN - PERKHIDMATAN LIBERALISASI (29 Mei)

Persatuan serta syarikat telah diberi taklimat mengenai liberalisasi perkhidmatan yang diperuntukkan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN serta faedah integrasi ekonomi dalam ASEAN.

LAWATAN KE SCOPE INTERNATIONAL MALAYSIA OLEH MENTERI MITI (27 Jun)

Menteri MITI telah merasmikan sambutan ulang tahun ke 15 syarikat itu dan telah menekankan bahawa Malaysia amat komited untuk berubah dari ekonomi berintensifkan buruh, upah yang rendah dan kemahiran rendah kepada ekonomi berintensifkan masyarakat berpendapatan tinggi, berasaskan pengetahuan termasuk perkhidmatan perniagaan global (GBS), perkhidmatan perkongsian dan *outsourcing cluster*.

Mr Matthew Norris, Ketua Pegawai Eksekutif Scope International Malaysia, memaklumkan bahawa Standard Chartered Bank (StanChart) akan melabur kira-kira AS\$30juta (RM123.3mil) dalam tempoh tiga tahun yang berikutnya bagi menyokong teknologi dan operasi hab global. Scope International Malaysia merupakan hab kepada Standard Chartered Group's Global Technology & Operations dan Global Shared Services Centre (GSSC) yang pertama oleh sebuah bank antarabangsa di Malaysia.

SERANTA DAN PENYEBARAN MAKLUMAT TENTANG FTA

Sebanyak 150 sesi hebahan FTA mengenai Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) telah dianjurkan kepada pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kumpulan perniagaan, Agensi Kerajaan (yang akhirnya

akan melaksanakan komitmen TPPA), ahli akademik, pelajar dan badan bukan kerajaan bagi membolehkan MITI mengatasi keraguan atau kebimbangan mereka mengenai perjanjian itu.

PROGRAM SERANTA BERHUBUNG PERDAGANGAN STRATEGIK

PEMBANGUNAN KEUPAYAAN INTERNASIONAL DAN PROGRAM SERANTA

- **Penglibatan dalam Kawalan Eksport.**

Sejak tahun 2010, Malaysia secara aktifnya telah mengambil bahagian dalam pelbagai program bina upaya termasuk kerjasama bersama bagi program yang diadakan di Malaysia dan di luar negara seperti negara-negara penderma seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU), Jepun dan Australia. Pada tahun 2016, Malaysia telah menyertai 31 program antarabangsa dan 26 program hebahan domestik.

Penglibatan berterusan dalam program antarabangsa telah membantu rakyat Malaysia mendapatkan pemahaman yang lebih baik berhubung kawalan eksport dan amalan antarabangsa. Ini telah memudahkan dasar dan pembuat keputusan di peringkat kebangsaan dalam melaksana dan menguatkuasakan Akta Perdagangan Strategik 2010.

- **Seminar *Intangible Technology Transfer* (ITT) (26 Januari)**

Seramai 76 peserta dari MITI, Agensi Kerajaan dan universiti awam/swasta telah mengambil bahagian dalam seminar yang dianjurkan bersama oleh MITI dan Sekretariat Perdagangan Strategik (STS), Kawalan Eksport dan Program Keselamatan Berkaitan Sempadan (EXBS), Jabatan Tenaga Negara AS dan Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat. Seminar tersebut menceritakan tentang pematuhan ITT dan pelaksanaan amalan terbaik dalam rangka kerja Akta Perdagangan Strategik Malaysia (STA) 2010.



- **Bengkel Pengendalian Pameran dan Bukti (18-19 Mei)**

Bengkel ini adalah sebagai kursus pra-syarat dalaman bagi 50 peserta dari pelbagai Agensi Kerajaan yang terlibat dengan pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik (STA) 2010. Ia membantu untuk meningkatkan kepakaran para peserta dalam prosedur penyiasatan dan pengurusan bukti-bukti dalam kes-kes pelanggaran STA.

- **Eksport ke EU untuk Barang Eksport Dua Kegunaan diadakan di Brunei (5-8 September) dan Filipina (19-23 September)**

Salah satu daripada usaha Suruhanjaya EU untuk menggalakkan sistem kawalan eksport yang berkesan di rantau ASEAN, adalah dengan menjemput Malaysia untuk menjadi pakar serantau EU dalam memberi sokongan kepada program EU. Isyarat ini menandakan pengiktirafan antarabangsa terhadap Akta Perdagangan Strategik 2010. Penceramah dari Malaysia berkongsi amalan terbaik di negara ini dalam menubuhkan undang-undang kawalan eksport serta pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta, terutamanya dalam hal transit dan transshipment. Penglibatan berterusan sebagai Pakar EU adalah penting untuk membantu ahli-ahli ASEAN lain dalam membangun, melaksana dan menguatkuasakan Pengurusan Perdagangan Strategik.

- **Program Pelawat Antarabangsa dengan Pegawai Eksport Control dari Viet Nam (12-13 Januari) dan Kemboja (18-19 Oktober)**

Program ini dianjurkan oleh *Export Control US* dan *Related Border Security (EXBS)* di Kuala Lumpur. Kedua-dua program menggalakkan dialog mengenai *international nonproliferation export control* dan perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan oleh

Malaysia. STS menyediakan maklumat mengenai peranan pakar-pakar teknikal dalam kawalan eksport, prosedur pelesenan, kuasa penguatkuasaan di bawah STA 2010 serta kerjasama antara agensi dan hebahkan kepada industri. Program ini membolehkan pegawai Vietnam dan Kemboja melawat untuk mendapatkan kefahaman tentang pelaksanaan Pengurusan Perdagangan Strategik di negara-negara lain dan pada masa yang sama akan membantu mereka dalam membangun dan melaksanakan sistem kawalan eksport yang sama di negara masing-masing.

PROGRAM SERANTA DALAM NEGARA

- **STA 2010 : Bengkel Program Pematuhan Dalaman (ICP)**


Bengkel yang diadakan di Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur ini telah dihadiri seramai 200 peserta dari 90 syarikat STA berdaftar yang menyediakan maklumat dan latihan mengenai keperluan dan peraturan STA 2010. Para peserta juga berpeluang untuk membincangkan beberapa isu dan cabaran yang dihadapi.

- **Program Kesedaran STA**

Sejumlah 26 program kesedaran telah dianjurkan untuk manfaat pelbagai industri dan agensi pada tahun 2016. *Client's Day Programme* telah dilaksanakan semula selepas tempoh satu tahun, sekali setiap dua bulan untuk memberi bantuan kepada organisasi serta orang ramai. Lebih daripada 100 peserta dari 20 organisasi telah menghadiri enam sesi pada 2016. Pada kedua-dua Hari Terbuka AEC dan Hari MITI, STS telah mengambil peluang untuk menyebarkan maklumat mengenai STA 2010.



Peningkatan pada unjuran pertumbuhan KDNK untuk tahun 2017 didorong terutamanya oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan untuk beberapa bulan kebelakangan ini. Di samping itu, jangkaan limpahan tersebut kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi merupakan salah satu kesan yang akan berlaku pada pertengahan kedua tahun hadapan.



PROSPEK EKONOMI 2017

OLEH MIDF RESEARCH (MIDFR), SEBUAH AGENSI DI BAWAH MITI


GLOBAL

PENINGKATAN DALAM PASARAN BARU MUNCUL (EMERGING MARKETS) BERPUNCA DARIPADA HARGA KOMODITI YANG LEBIH KUKUH

Dengan harga komoditi yang teguh, terdapat peningkatan yang kecil dalam pertumbuhan ekonomi global terutamanya dari pasaran yang baru muncul dan pengeluar komoditi. Walaupun hanya dalam tempoh jangka masa pendek antara pertengahan April dan awal Mei 2017, harga minyak Brent telah merekodkan purata di atas paras normal iaitu *USD50pb* dan besi bijih iaitu *USD550mt + -*, merupakan isyarat permintaan yang lebih baik di peringkat global yang didorong terutamanya oleh Republik Rakyat China (RRC).

Walau bagaimanapun, harga minyak boleh terkesan daripada perkembangan masa depan seperti peningkatan pengeluaran minyak oleh Amerika Syarikat (AS) disebabkan oleh *shale production* menjadikan kos yang lebih efektif, sokongan dari pentadbiran Trump untuk mendapat tenaga mudah atau *energy independence* dan bagi mengekalkan bahagian pasaran globalnya mengakibatkan OPEC mungkin tidak dapat terus meningkatkan pengeluaran sepanjang tahun 2017.

Carta 1: Harga besi bijih dan minyak Brent pada paras menaik




Sumber: Bloomberg, MIDFR

Dari segi geopolitik, penyokong Kesatuan Eropah (EU) Emmanuel Macron telah memenangi pilihan raya presiden Perancis pada 7 Mei 2017. Perdana Menteri United Kingdom (UK) Theresa May membuat pilihan raya umum pada 8 Jun dengan beranggapan bahawa bahagian-bahagian di Westminster berisiko menghalang rundingan Brexit. Di Jerman, Canselor Angela Merkel berhasrat mengekalkan kedudukannya pada pilihan raya pada September 2017.

Mata wang Sterling telah meningkat kira-kira 0.5 peratus sejak kenaikan kadar pada Mac 2017 oleh Rizab Persekutuan. Dalam jangka masa panjang, matawang *Sterling* masih mempunyai kemungkinan menghadapi susutan nilai disebabkan ekonomi yang negatif sekiranya ia kehilangan akses pasaran tunggal ke EU.




Carta 2: Pemulihan serantau aktiviti perdagangan (YoY peratus)




Sumber: CEIC; MIDFR

Carta 3: Pertumbuhan eksport Malaysia sejajar dengan pesaing (YoY peratus)




Sumber: CEIC; MIDFR

Carta 4: Permintaan yang tinggi dari rantau Asia Timur Laut



Sumber: DOSM; MIDF Research

Carta 5: Permintaan dari Republik Rakyat China meningkat hampir 50 peratus



Sumber: DOSM; MIDFR

MALAYSIA

PEMBANGUNAN MENINGKAT, DIDORONG OLEH PEMULIHAN DALAM PERMINTAAN LUAR DAN LIMPAHAN POSITIF KEPADA EKONOMI DOMESTIK

Kenaikkan unjuran pertumbuhan KDNK pada tahun 2017 didorong terutamanya oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan beberapa bulan kebelakangan ini di samping jangkaan limpahannya kepada sektor-sektor lain dalam ekonomi yang akan berlaku pada pertengahan tahun kedua. Aktiviti eksport dan import meningkat sebanyak 21.4 peratus dan 27.7 peratus masing-masing pada suku pertama tahun 2017, merupakan bacaan yang paling baik untuk kedua-dua dalam tempoh tujuh tahun. Prestasi Malaysia adalah sejajar dengan trend serantau di mana negara-negara Asia banyak menunjukkan prestasi yang baik dengan angka perdagangan menunjukkan pertumbuhan dua angka kecuali RRC dan Thailand.

Prestasi perdagangan yang kukuh dapat diperhatikan dalam semua sektor terutama sekali barangan elektrik dan elektronik (E & E) sebagai penyumbang utama diikuti oleh minyak sawit, bahan kimia serta petroleum mentah dan yang ditapis. Permintaan LNG kembali pulih.

KDNK 2017 DAN RAMALAN EKSPORT DINAIKKAN KEPADA 4.9 PERATUS DAN 8.5 PERATUS MASING-MASING

Data perdagangan pada Mac 2017 telah berjaya memberikan keyakinan bahawa aliran yang meningkat dalam aktiviti perdagangan global dapat dikekalkan untuk tahun ini. Eksport telah mengalami peningkatan positif selama lima bulan berturut-turut. Perdagangan yang melonjak merupakan rahmat terutama sekali kepada industri berorientasikan eksport, iaitu elektrik dan elektronik (E & E), kimia,




keluaran petroleum dan getah. Terdapat juga kemungkinan tinggi bahawa kesan positif pengeluaran tempatan akan dapat dirasai kembali.

Dari sudut bekalan pula, pengeluaran minyak sawit mentah telah meningkat dengan ketara dengan rekod peningkatan bagi tiga bulan berturut-turut sejak Disember 2016 dan dijangka akan berterusan. Pada tahun 2016, sektor pertanian menguncup sebanyak 5.1 peratus dan turun 0.5 peratus daripada keseluruhan KDNK. Walaupun dengan pemulihan yang kecil sebanyak 1.0 peratus, sektor ini akan membantu untuk menyumbang sekitar 0.4-0.5 peratus kepada KDNK. Melalui semua faktor-faktor berikut, MIDFR telah menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK 2017 dan dijangka akan meningkat kepada 4.9 peratus iaitu meningkat 0.6 mata peratus daripada unjuran sebelumnya iaitu sebanyak 4.3 peratus manakala ramalan eksport sebelumnya telah meningkat sebanyak 8.5 peratus daripada 3.0 peratus


Ambilan pekerja masih lembap tetapi bertambah baik. Jawatan kosong telah meningkat sejak Oktober 2016. Banyak daripada peluang pekerjaan yang baharu dari pelbagai sektor, menunjukkan pemulihan yang meluas. Sektor berorientasikan eksport menawarkan paling banyak pekerjaan, sejajar dengan peningkatan dalam sektor luar. Kadar pengangguran dijangka kekal dalam 3.3 peratus - 3.5 peratus untuk sepanjang tahun ini kerana pekerjaan yang dijana juga dijangka akan diimbangi oleh aliran masuk belia yang agak besar ke dalam tenaga buruh termasuk kadar mereka yang sedang bekerja dan yang telah diberhentikan. Digabungkan dengan pertumbuhan upah yang baik, penggunaan swasta dijangka meningkat sedikit pada tahun 2017 untuk mencapai 6.3 peratus daripada 6.1 peratus pertumbuhan peratus tahunan pada tahun 2016.

Carta 6: Malaysia - 2017 ramalan pertumbuhan KDNK disemak semula kepada 4.9 peratus daripada 4.3 peratus



Sumber: CEIC; MIDFR

Carta 7: Malaysia - Ramalan pertumbuhan eksport 2017 meningkat kepada 8.5 peratus daripada 3.0 peratus sebelumnya




Sumber: CEIC; MIDFR

Inflasi berada di atas 4 peratus pada bulan Februari dan Mac 2017 disebabkan tekanan inflasi yang kuat berikutan harga bahan api yang lebih tinggi. Sekiranya purata harga minyak mentah berada pada USD50pb untuk 2017, adalah rasional untuk mengharapkan harga RON95 berlegar di antara RM2.10 - RM2.30 seliter sepanjang tahun. Dengan harga RON95 tersebut, inflasi dijangka akan mempunyai purata 4.5 peratus bagi 2017.


Dengan pertumbuhan KDNK yang dijangka lebih baik digabungkan pula dengan potensi pelan kenaikan kadar yang lebih agresif oleh Rizab Persekutuan serta jangkakan persekitaran inflasi yang tinggi, Kadar Dasar Semalaman Segera (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah meningkat. MIDFR menjangkakan inflasi akan berada pada purata 4.5 peratus pada tahun 2017, mencerminkan keadaan kos yang didorong oleh perbezaan harga minyak yang dipam di antara tahun 2017 dan tahun 2016. BNM berpendapat bahawa pada Mac tahun 2017 bahawa inflasi yang tinggi bukanlah satu kejutan tetapi tidak memberikan petunjuk langsung mengenai masa depan kadar faedah. Satu-satunya petunjuk (jika ada) adalah bahawa pertumbuhan ekonomi telah meningkat tetapi telah beroperasi hampir dengan anggaran potensi pengeluaran sebanyak 4.7 peratus tahun ini.

Carta 8: Malaysia - Lebih banyak pekerjaan tersedia tetapi kadar pengangguran dijangka stabil pada kadar semasa




Sumber: DOSM, MIDFR

Carta 9: RON95, minyak mentah Brent



Sumber: Bloomberg; MIDFR

Carta 10: Malaysia - Inflasi berpurata melebihi 4 peratus pada tahun 2017



Sumber: MIDFR

Akaun semasa akan pulih sedikit tahun ini, menolak trend menurun yang ditunjukkan sejak 2011. Pada tahun 2016, akaun semasa kepada nisbah GNI adalah 2.1 peratus. Ini dapat memberikan sedikit sokongan kepada Ringgit untuk kukuh dari kadar semasa USD / MYR4.4300. Harga komoditi yang lebih tinggi telah diterjemahkan kepada perdagangan yang lebih baik yang seterusnya dapat menyaksikan lebih dagangan yang besar. Bagi tempoh dua bulan pertama tahun 2017, imbangan perdagangan meningkat 5.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016.

Selain itu, di bawah mandat BNM yang baru, sekurang-kurangnya 75 peratus daripada perolehan eksport perlu ditukar ke dalam Ringgit. Digabungkan dengan jangkaan akaun semasa yang lebih tinggi, ini harus diterjemahkan kepada

permintaan yang lebih tinggi untuk mata wang tempatan. Walau bagaimanapun, aliran mudah tunai mempunyai lebih banyak kesan kepada Ringgit daripada faktor-faktor asas kerana sifat spekulatif pasaran mata wang itu. Terdapat penurunan yang besar dalam pelaburan portfolio pada suku keempat tahun 2016 tetapi ia dijangka akan kembali positif pada suku pertama 2017 kerana aliran masuk dana asing bersih ke dalam pasaran ekuiti telah mencecah hampir RM6bilion tahun ini. Walau bagaimanapun, aliran keluar daripada pasaran bon oleh pelabur asing mungkin dapat mengimbangi keuntungan dalam Ringgit. Namun, MIDFR percaya bahawa portfolio pengimbangan semula yang telah dilakukan akan seterusnya dapat mengekalkan unjuran Ringgit USD/ MYR4.30 menjelang akhir tahun.

REPUBLIK KERAJAAN CHINA (RRC)

PERTUMBUHAN EKONOMI YANG KUAT PADA SUKU PERTAMA DAN MOMENTUM PERTUMBUHAN SERANTAU

Ekonomi RRC telah meningkat sebanyak 6.9 peratus pada suku pertama. Walaupun para pemimpin menjangkakan sasaran pertumbuhan yang lebih rendah, RRC sebenarnya telah memberi momentum yang positif daripada dua suku terakhir tahun 2016 dan sepanjang tahun 2017. Menurut data rasmi, RRC telah meningkat 6.7 peratus pada tahun 2016 dan terdapat pertumbuhan yang perlahan pada kadar 6.8 peratus pada suku keempat tahun 2016. MIDFR berpendapat bahawa RRC boleh mengalami pertumbuhan yang lebih tinggi, jika tidak kerana apa yang dianggap sebagai kesan *smoothing out*. Namun begitu, ini bermakna secara teknikal RRC berada pada aras yang lebih rendah. Atas alasan itu, ia akan menjadi lebih mudah bagi ekonomi kedua terbesar di dunia tersebut untuk mencapai kadar pertumbuhan yang disasarkan pada tahun 2017. MIDF meramalkan ekonomi RRC akan mencapai 6.8 peratus pada tahun 2017.



Penguatan kembali ekonomi RRC merupakan rangsangan yang besar kepada ekonomi serantau. Terdapat peningkatan dalam harga komoditi disebabkan oleh permintaan daripada Republik Rakyat China (RRC). Adalah difahamkan bahawa trend *JP Morgan Global Manufacturing PMI™* yang telah meningkat sejak suku ketiga tahun 2016 adalah sejajar dengan pemulihan sektor pembuatan oleh RRC.


Pembuatan *PMI* RRC hampir meningkat pada bulan Februari 2017, mencapai 55.1 mata daripada 51.0 mata pada bulan Januari. Malaysia menyaksikan peningkatan yang sama di mana *PMI* meningkat selama tiga bulan berturut-turut untuk mencapai 49.4 mata iaitu peningkatan mata yang tertinggi sejak Disember 2014.

AMERIKA SYARIKAT (AS)

KDNK DIJANGKA BERKEMBANG 2.2 PERATUS PADA TAHUN 2017 (2016: 1.6 PERATUS)


Ekonomi terbesar dunia dijangka menunjukkan peningkatan pada tahun ini yang menggambarkan peningkatan dalam perbelanjaan pengguna didorong oleh penguatan pasaran buruh, pelaburan yang lebih tinggi dan rangsangan dalam keyakinan perniagaan terutama selepas pilihan raya presiden AS pada bulan November 2016. Pasaran kewangan telah bangkit disebabkan kemungkinan besar pertumbuhan ekonomi oleh pentadbiran Presiden Trump melalui kurang kawalseliaan, potongan cukai dan infrastruktur perbelanjaan rangsangan. Defisit perdagangan dijangka menurun disebabkan oleh kenaikan dalam eksport berpunca daripada keadaan ekonomi yang stabil oleh rakan dagang utamanya seperti Kesatuan Eropah (EU), Kanada dan RRC.

Carta 11: Pertumbuhan dalam RRC sejak pertengahan 2016 membawa kepada pemulihan membanggakan dalam pembuatan global




Sumber: Bloomberg, MIDFR

Carta 12: AS - inflasi PCE bakal mencecah sasaran di atas 2 peratus




Sumber: CEIC; MIDFR

Carta 13: AS - data pekerja menyokong kenaikan kadar



Sumber: CEIC; MIDFR

Sasaran Kadar Dana Persekutuan (FFR) naik ke tahap yang baru pada bulan Mac 2017 berikutan kenaikan kadar sebanyak 25 mata asas, kepada 0.75 peratus - 1.00 peratus pada Disember 2016. Langkah tersebut banyak dijangka oleh ahli ekonomi dan para pedagang kerana momentum positif baru-baru ini terhadap ekonomi Amerika Syarikat. Pada bulan Februari 2017, sejumlah 235,000 pekerjaan telah diwujudkan. Kadar pengangguran adalah pada 4.7 peratus, turun 0.1 peratus dari bulan sebelumnya manakala kadar penyertaan buruh telah meningkat, sebanyak 63.0 peratus daripada 62.9 peratus sebelumnya.



PENGURUSAN TERTINGGI

MITI berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan dan antara negara dagangan dunia yang paling kompetitif menjelang 2020.





PENGURUSAN TERTINGGI

SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016



YB Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri



YB Dato' Seri Ong Ka Chuan
Menteri II



YB Datuk Haji Ahmad Haji Maslan
Timbalan Menteri (Industri)



YB Dato' Lee Chee Leong
Timbalan Menteri (Perdagangan)
(sehingga Jun 2016)



YB Datuk Chua Tee Yong
Timbalan Menteri (Perdagangan)
(mulai Jun 2016)



Tan Sri Rebecca Sta Maria
Ketua Setiausaha
(sehingga Julai 2016)



Datuk Seri Jayasiri Jayasena
Ketua Setiausaha
(mulai Julai 2016)



Dato' Nik Rahmat Nik Taib
Timbalan Ketua Setiausaha
(Industri)



Datuk Hiswani Harun
Timbalan Ketua Setiausaha
(Perdagangan)
(sehingga Februari 2016)



Datuk Isham Ishak
Timbalan Ketua Setiausaha
(Perdagangan)
(mulai Mac 2016)



Wan Suraya Wan Mohd. Radzi
Timbalan Ketua Setiausaha
(Strategi & Pemantauan)
(mulai Julai 2016)







NOTA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA



www.miti.gov.my



www.facebook.com/MITI.Malaysia